

**PANDANGAN STAF WANITA ISLAM UiTM KAMPUS SAMARAHAN SARAWAK
TERHADAP POLIGAMI**

AHMAD ZAMRI RAMIDI

**Kertas Projek yang dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda dalam
bidang Pengajian Islam**

**Fakulti Sains Sosial Gunaan
Open University Malaysia**

2014

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Agama Islam merupakan agama yang mengharuskan poligami. Namun demikian, dalam kalangan umat Islam itu sendiri tidak mengetahui hukum poligami yang sering disalahertikan oleh masyarakat khususnya dalam kalangan kaum wanita. Malah, keharusan berpoligami yang telah termaktub dalam al-Quran tidak difahami dengan jelas dan tepat oleh segelintir kaum lelaki yang ingin berpoligami. Kurangnya kefahaman tentang hukum serta syarat-syarat poligami telah menjadikan syariat ini dipandang negatif oleh masyarakat. Pihak yang mengamalkan poligami sewajarnya menepati syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dan memahami secara tuntas kewajipan yang mereka perlu penuhi agar amalan poligami menepati konsep yang ditetapkan oleh syarak dan syariat ini tidak menjadi 'trauma' kepada kaum hawa yang terlibat dengan poligami (Hafiz Firdaus Abdullah, 2012).

Poligami merupakan salah satu daripada bentuk perkahwinan yang disyariatkan oleh Islam. Dari sudut bahasa, poligami bermaksud menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1222), poligami merupakan amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Takrifan poligami

menurut syariat Islam adalah lebih khusus daripada takrifan tersebut berdasarkan pengertian surah An-Nisa, ayat 3 yang bermaksud;

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga, atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”.

Berpandukan maksud ayat di atas, Islam tidak mewajibkan poligami, tetapi menjadikannya sebagai harus. Namun keharusan ini bukanlah secara mutlak sebaliknya dikenakan syarat-syarat yang tertentu (Zaini Nasohah, 2000: 4). Ayat ini menentukan kadar yang dibolehkan untuk berpoligami, iaitu setakat empat orang isteri sahaja dalam satu-satu masa. Syarat-syarat lain turut termaktub dalam ayat ini, iaitu suami perlu berlaku adil dan berkemampuan. Sekiranya ia merasakan takut atau tidak dapat berlaku adil, maka Islam menggesa supaya seseorang lelaki itu berkahwin dengan seorang perempuan sahaja agar tidak berlaku penganiayaan dan kezaliman.

Asmah Haji Omar (1979: 3) mentakrifkan poligami sebagai “kahwin lebih dari satu” dan yang mempunyai hak menjalankan kebiasaan itu ialah orang laki-laki. Poligami bukanlah terdapat hanya dalam agama dan masyarakat Islam, tetapi juga dalam agama dan masyarakat lain, misalnya dalam agama Kristian Mormon, dalam kalangan orang-orang Cina, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam Islam poligami lebih kemas dan teratur dibandingkan dengan poligami yang ada dalam masyarakat lain. Misalnya, dalam agama

Islam poligami ada batas dalam jumlah isteri (yakni 4 orang sahaja) yang boleh dikahwini, ada syarat-syaratnya dan sebagainya.

Selepas kedatangan Islam, poligami terus diamalkan oleh masyarakat dunia hinggalah ke hari ini. Walaupun demikian, golongan Barat telah memberikan kritikan yang tajam terhadap poligami yang dibenarkan oleh Islam. Yang menghairankan, mereka tidak mencela dan memandang jijik terhadap perzinaan dan perlakuan sumbang, malahan hubungan jenis luar tabii juga telah mula mereka terima dan hormati tetapi poligami yang halal dan telah diterima oleh agama-agama *samawi* dan masyarakat umat manusia sejak beribu tahun yang lalu mereka kecam. Mereka mengecam poligami tetapi membenarkan menyimpan perempuan simpanan (Mahmud Saedon Awang Othman, 1998: 64-65).

Pada prinsipnya, perkahwinan menurut pandangan Islam adalah seorang isteri sahaja bagi seorang suami, kerana ia adalah bersesuaian dengan tabiat manusia dalam keadaan normal (Amran Kasimin, 1978: 9). Islam tidak menyuruh dan tidak menggalakkan umatnya berpoligami, tetapi ia merupakan suatu penyelesaian untuk mengatasi masalah dari jalan buntu yang akan berlaku setelah tidak ada jalan lain untuk mengatasi situasi tersebut, kecuali dengan poligami. Misalnya, untuk mendapatkan zuriat sekiranya isteri pertama atau kedua tidak berupaya untuk melahirkan zuriat atas sebab-sebab tertentu. Dalam Islam, poligami hanya dibenarkan sehingga empat orang isteri sahaja dalam satu masa. Suami yang mempunyai empat orang isteri tidak boleh berkahwin lagi, melainkan setelah salah seorang daripada isterinya yang sedia ada meninggal dunia atau diceraikan serta tamat eddahnya. Tidak boleh juga berpoligami dengan wanita yang mahram kepada isteri yang sedia ada (Irdhina@Martini binti Hj Wasli, 2013:1)

Menurut Dr. Muhammad al-Bahi dalam bukunya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Fathurrahman (1988), poligami bukanlah suatu prinsip yang wajib

dilaksanakan dalam syariah Islam sehingga boleh menyebabkan berdosa jika tidak mengamalkannya. Poligami hanya merupakan perkara harus dan satu *rukhsah* (keringanan) dalam keadaan darurat. Jelasnya di sini walaupun bahasa yang digunakan dalam surah An-Nisa (ayat 3) berunsur perintah, ia bukanlah membawa kepada makna wajib dilaksanakan. Bahkan jika diamati ia boleh membawa kepada suatu tegahan dan haram hukumnya jika suami yang berpoligami tidak berupaya berlaku adil dan mengakibatkan penganiayaan terhadap isteri yang dikahwini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Poligami hanya dikhususkan untuk kaum lelaki sahaja. Wanita tidak dibenarkan sama sekali bersuami lebih daripada seorang dalam satu masa (poliandri). Hal ini bagi mengelakkan daripada berlakunya percampuran nasab keturunan dan bagi melindungi kepentingan kaum wanita itu sendiri. Berpoligami adalah sunnah Nabi yang hanya diharuskan bagi lelaki yang mampu berlaku adil kepada semua isterinya. Sebaliknya lelaki yang bimbang tidak dapat berlaku adil, maka hendaklah ia berkahwin dengan seorang isteri sahaja (monogami) (Irdhina@Martini binti Hj Wasli, 2013:1).

Poligami yang berlaku pada hari ini bukan lagi suatu perkara yang baharu dalam masyarakat, kerana isu ini seringkali dijadikan satu topik yang sensitif untuk diperbincangkan. Ramai suami yang telah berpoligami terus mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isteri pertama dan anak-anak termasuk mengurangi dan tidak memberi nafkah yang sepatutnya. Terdapat juga suami yang mengambil peluang hanya untuk memuaskan hawa nafsu mereka dengan alasan mengikuti sunnah dan menganggap bahawa ia adalah pelaksanaan hukum yang diharuskan (Abdul Malek Bagedes et. al., 2011:4).

Apabila memperkatakan tentang poligami, kebanyakan kaum hawa menolaknya dan menganggap poligami tidak adil kepada mereka. Bagi pihak lelaki pula, kefahaman tentang poligami haruslah tepat dan mereka bukan hanya mengikut nafsu semata-mata dengan mengabaikan tanggungjawab yang lain (Amran Kasimin, 1978: 4). Sebaliknya, mereka tidak tahu dan kurang faham hikmah disebalik poligami. Mustaffa Suhaimi (1992: 33) menjelaskan hikmah poligami yang tidak disedari umat Islam khususnya golongan wanita. Antara hikmah tersebut adalah untuk mengelakkan penganiayaan terhadap isteri dan anak-anak kerana seorang suami yang bertanggungjawab pasti dapat mengawal keluarganya dengan baik hingga taraf isteri pertamanya tidak terjejas dan hubungan mesra dengan anak-anaknya tidak berkurang.

Hikmah poligami yang tidak disedari umat Islam ini menyebabkan wujudnya pandangan negatif terhadap poligami. Hikmah ini muncul daripada Islam yang telah menjadi sistem kehidupan dan tidak menyalahi fitrah, realiti, keperluan manusia serta sesuai dengan berbagai-bagai keperluan manusia serta sesuai dengan pelbagai keperluan yang selalu berubah tanpa mengira tempat dan masa. Penetapan dan batasan yang dijelaskan syariat berfungsi untuk menjaga kehidupan rumah tangga daripada kekacauan, cerai-berai, mengelakkan penganiayaan, menjaga kemuliaan atau harga diri perempuan serta menjamin keadilan dalam menghadapi keperluan dan masalah yang sentiasa ada (Karim Hilmi, 2008: iv).

1.2 Pernyataan masalah

Poligami sering kali dipandang negatif oleh masyarakat. Ia menjadi bahan bualan di kedai-kedai kopi, forum-forum internet, sembang-sembang pejabat, drama-drama televisyen, novel-novel dan gosip-gosip wanita. Sayang sekali, hukum poligami dan yang berkaitan

dengannya serta panduan hidup dalam poligami jarang-jarang dikupas secara ilmiah (Hafiz Firdaus Abdullah, 2012: 6). Kekurangan kajian ini perlu ditampung dengan segera kerana poligami adalah salah satu daripada syariat Islam yang disalahertikan oleh segelintir umat Islam. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa, ayat 3 yang bermaksud;

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja”.

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa poligami merupakan syariat yang diharuskan dalam Islam. Jadi, salah faham tentang poligami tidak akan timbul sekiranya umat Islam memahami hukum poligami seperti yang termaktub dalam Surah An-Nisa di atas.

Apabila meneliti senario ini di Malaysia, maka didapati permohonan untuk berpoligami semakin meningkat. Berdasarkan statistik poligami yang diperoleh dari tahun 1995 hingga 2005, telah menunjukkan peningkatan. Untuk negeri Sarawak sahaja, telah menjadi 40 permohonan poligami bagi tahun 2005. Walaupun jumlahnya kecil berbanding negeri-negeri lain, namun statistik terkini untuk tahun 2012 yang diperoleh menunjukkan bahawa permohonan berpoligami telah mencapai angka 67 dan 51 daripadanya telah diluluskan oleh Mahkamah Syariah. Jadual 1 menunjukkan statistik poligami berdasarkan negeri di Malaysia dari tahun 1995-2005 (<http://chemekmolek.wordpress.com>).

Jadual 1: Statistik Poligami Seluruh Malaysia bagi tahun 1995-2005

NEGERI/TAHUN	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005
PERLIS	26	59	48	47	18	27	18	5	0	136	*
KEDAH	247	273	302	268	210	138	195	200	118	161	160
P.PINANG	79	26	5	69	61	32	89	167	162	*	*
PERAK	120	168	149	105	167	138	131	146	134	125	*
SELANGOR	82	137	86	77	39	478	*	194	381	*	234
K.LUMPUR	4	11	10	28	37	48	*	17	9	30	*
N.SEMBILAN	98	94	110	111	85	21	72	63	46	*	*
MELAKA	64	68	71	64	36	44	*	*	53	17	*
JOHOR	169	78	446	109	136	173	89	208	190	*	*
PAHANG	74	69	110	130	106	73	91	98	95	21	11
TERENGGANU	227	221	212	*	204	229	176	136	211	103	*
KELANTAN	342	359	191	84	254	356	268	1,331	*	*	*
SARAWAK	4	*	4	7	6	17	22	29	20	37	40
SABAH	86	76	44	52	27	19	48	6	18	21	3
W.P LABUAN	9	4	*	3	7	6	5	4	*	*	*
MALAYSIA	1,631	1,643	1,788	1,154	1,393	1,799	1,204	2,604	1,437	651	

(Sumber: dipetik dan disesuaikan daripada <http://chemekmolek.wordpress.com>.)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, statistik permohonan suami yang ingin berpoligami kian meningkat. Oleh sebab itu, tidak hairanlah golongan wanita merasa tercabar dan mereka lebih nampak perkara yang negatif apabila suami ingin berpoligami. Apabila diperkatakan tentang poligami, kebanyakan kaum hawa menolaknya dan menganggap

poligami tidak adil kepada mereka. Bagi pihak lelaki pula, kefahaman tentang poligami haruslah tepat dan mereka bukan hanya mengikut nafsu semata-mata dengan mengabaikan tanggungjawab yang lain (Amran Kasimin, 1978: 4).

Menolak poligami sebagai peraturan yang ditetapkan Allah SWT adalah satu bentuk penderhakaan kepada al-Khaliq sekali gus menafikan kebijaksanaan Allah SWT. Bahkan, merendahkan Rasulullah SAW kerana baginda sendiri mengamalkannya. Kata bijak pandai janganlah disebabkan nyamuk seekor habis kelambu dibakar kerana dibimbangi penolakan itu nanti akan menyebabkan yang dikejar tak dapat yang dikendong keciciran. Perintah beriman kepada kitab Allah, iaitu al-Quran adalah berkehendakkan kepada kepatuhan yang total dan mutlak. Menidakkan sebahagian daripada kandungannya boleh menyebabkan syahadah seseorang itu gugur (Khodam, 2005:2).

Ada dalam kalangan umat Islam membanding-bandingkan syariat Allah dengan pemikiran-pemikiran Barat yang nyata melanggar syariat Islam. Mereka memilih pemikiran-pemikiran Barat yang antipoligami, lalu menyisihkan pemikiran yang propoligami (Hafiz Firdaus Abdullah, 2012:10). Akibatnya, masyarakat tidak lagi percaya poligami akan menyelesaikan masalah dalam keluarga, sebaliknya poligami akan mewujudkan masalah baharu dalam keluarga. Terdapat lembaga-lembaga perlindungan wanita menyuarakan tentang penolakan poligami seperti *Sisters in Islam* (Abdul Malek Begedes et. al, 2011:5).

Satu kajian tentang pandangan poligami oleh kaum wanita secara khususnya perlu dilakukan untuk mengenal pasti punca mereka menolak poligami. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pandangan staf wanita Islam di Kampus UiTM Samarahan Sarawak tentang poligami.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan untuk mengetahui pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan mengenai poligami. Tujuan kajian secara terperinci adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Mengenal pasti pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan terhadap poligami
- 1.3.2 Mengenal pasti tahap pengetahuan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan terhadap poligami
- 1.3.3 Mengenal pasti faktor-faktor staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan menolak poligami
- 1.3.4 Mengenal pasti sama ada kesan-kesan buruk berpoligami mempengaruhi pandangan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian yang disebutkan, kajian ini dirangka untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan terhadap poligami?
- 1.4.2 Apakah tahap pengetahuan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan terhadap poligami?
- 1.4.3 Apakah faktor-faktor staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan menolak poligami?
- 1.4.4 Adakah kesan-kesan buruk dalam berpoligami mempengaruhi pandangan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan terhadap poligami?

1.5 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini ialah:-

1.5.1 Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh umat Islam secara umumnya dan secara khususnya kepada golongan wanita. Hal ini adalah kerana golongan wanita merupakan pihak yang lebih banyak menerima akibat buruk apabila poligami disalahgunakan (Amran Kasimin, 1978: 4). Penjelasan dan pengertian poligami dalam Islam perlu dikaji sebelum diperkatakan. Jika hukum-hukum itu difahami, tidak ada seorang manusia akan menafikan keindahan poligami ini.

1.5.2 Seterusnya kajian ini signifikan untuk masyarakat Islam itu sendiri khususnya mereka yang berpandangan kurang tepat tentang poligami. Masyarakat perlu tahu kebaikan poligami dan tidak memandang buruk terhadap poligami serta tidak terpengaruh terhadap golongan yang tidak memahami syariat Islam kerana sesungguhnya poligami merupakan salah satu syariat Allah SWT yang diturunkan kepada kita sebagaimana syariat-syariat yang lain. Sekiranya umat Islam itu sendiri menolak poligami, maka keadaan ini akan menjejaskan imej Islam sendiri dalam kalangan penganut agama-agama lain. Masalah-masalah sebegini akan dijadikan ukuran masyarakat bukan Islam dalam menilai Islam secara negatif.

1.5.3 Kepentingan kajian ini juga boleh dimanfaatkan kepada Negara, khususnya dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam. Dalam konteks poligami, Negara Malaysia membenarkan poligami dengan kawalan oleh Mahkamah. Sekatan secara memberi kuasa kepada Mahkamah adalah perlu kerana Mahkamah akan memastikan pemohon layak dan mampu untuk menegakkan keadilan antara isteri serta mengelakkan kemudaratan terhadap

perkahwinan yang sedia ada dan yang akan datang. Malaysia menggubal undang-undang poligami bertujuan untuk mengawal amalan tersebut agar tidak berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini akibat dari amalan poligami yang tidak betul. Oleh sebab itu di Malaysia, semua negeri memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syariah. Dalam Seksyen 23(1), Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984, memperuntukkan dengan jelas tentang perkara ini. Campurtangan Mahkamah Syariah dalam memberi kebenaran berpoligami kerana masyarakat sendiri yang gagal untuk menjaga kebaikan poligami sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam (Raihanah Hj Abdullah, 1997: 171).

1.5.4 Akhirnya, kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk membetulkan pandangan wanita, masyarakat dan umat Islam secara keseluruhannya terhadap poligami. Kesucian syariat Allah SWT ini telah jauh diselewengkan oleh pengamal-pengamalnya. Hanya segelintir sahaja mereka yang berpoligami yang benar-benar mengikut kehendak syarak dan yang menerima poligami itu sendiri sebagai salah satu syariat Islam. Justeru, kajian ini wajar dilakukan untuk menyedarkan masyarakat awam khususnya bagi wanita yang terlibat dalam poligami yang kurang jelas tentang poligami. Hal ini dapat mengelak salah faham terhadap poligami yang diharuskan dalam Islam.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada pandangan staf wanita Islam terhadap poligami di UiTM, Kampus Samarahan Sarawak. Soalan temu bual telah dirangka dan soalan-soalan ini akan ditanya kepada responden yang terlibat. Untuk menjadikan kajian ini lebih tersusun, pengkaji hanya memilih 5 orang responden secara rawak daripada 30 orang responden

daripada tiga fakulti, iaitu Fakulti Pendidikan (2 orang), Fakulti Perakaunan (2 orang) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (1 orang). Responden mempunyai tahap pendidikan ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah selaras dengan kerjaya responden sebagai pengajar di UiTM. Tahap pendidikan ini mungkin mempengaruhi pandangan responden terhadap poligami.

1.7 Definisi Istilah

Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan bagi tajuk kajian ini.

1.7.1 Pandangan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1128) menyenaraikan empat maksud untuk perkataan 'pandangan', dan maksud keempat perkataan 'pandangan' yang sesuai untuk kajian ini ialah sebagai anggapan, pendapat, tanggapan, atau fikiran.

1.7.2 Staf wanita Islam

Dalam kajian ini 'staf wanita Islam' bermaksud kakitangan perempuan yang beragama Islam dan bekerja di UiTM Kampus Samarahan, Sarawak. Kajian ini tidak membataskan definisi ini kepada yang telah berkahwin atau yang masih bujang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 590), 'Islam' bermaksud agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.

1.7.3 Poligami

Banyak definisi yang telah diberikan untuk perkataan 'poligami'. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1222) mendefinisikan poligami sebagai amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Manakala pengertian poligami menurut Amran Kasimin

(1978: 10) ialah seorang suami beristeri lebih dari satu (hingga empat) dalam satu masa yang sama. Zaini Nasohah (2000:1), menterjemahkan poligami dari sudut bahasa sebagai menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Beliau merumuskan poligami sebagai berkahwin lebih daripada seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang membawa erti berkahwin dengan seorang wanita sahaja. Ia juga berlawanan dengan perkataan poliandri iaitu amalan bersuami lebih dari seorang dalam satu-satu masa (Zaini Nasohah, 2000: 2).

1.7.4 UiTM, Kampus Samarahan

Nama penuh bagi UiTM ialah Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan Sarawak. UiTM merupakan salah satu daripada universiti awam dan salah satu daripada cawangan UiTM. Lokasi kajian ini ialah di UiTM Kampus Samarahan terletak di Jalan Meranek, Kota Samarahan Sarawak.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Kajian Poligami

Kajian dan tulisan berkenaan poligami telah banyak dilakukan sama ada oleh penyelidik-penyelidik terdahulu mahupun kini. Kajian-kajian tersebut telah dibukukan dan ada yang berbentuk digital dan bahan bercetak. Berdasarkan tinjauan penulis, kajian berkenaan poligami banyak menyentuh tentang hukum poligami, kesan poligami, keistimewaan poligami dan pandangan wanita Islam terhadap poligami. Walaupun terdapat banyak kajian dan tulisan berkenaan poligami, namun poligami masih belum sepenuhnya difahami oleh umat Islam secara tepat. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya minat masyarakat Islam, khususnya kaum wanita mendalami syariat ini. Begitu juga pada pihak lelaki, yang menganggap poligami sama seperti hukum-hukum lain dan poligami adalah hak mereka yang dibenarkan oleh syarak untuk boleh berkahwin sehingga empat orang (Zaini Nasohah, 2000: 10).

Maka, kajian-kajian secara berterusan berkenaan poligami wajar dilakukan memandangkan zaman semakin mencabar dan pengaruh yang bersifat global seakan-akan telah mempengaruhi dan menyekat kefahaman umat Islam untuk terus berpegang pada hukum yang telah ditetapkan oleh syarak (Zaini Nasohah, 2000: 10). Bagi meneliti kajian

dan tulisan yang telah dipaparkan berkenaan poligami, penulis membahagikan literatur ini kepada empat subtopik seperti yang dinyatakan berikut.

2.1 Kajian Poligami dari sudut Hukum Syarak

Antara tulisan awal tentang poligami ialah yang bertajuk "*Poligami Dalam Islam*" tulisan Haji Dusuki B Haji Ahmad (1978). Buku ini telah membicarakan tentang poligami sebelum kedatangan dan selepas Islam dibawa utusan Nabi Muhammad SAW. Faktor-faktor berpoligami telah diterangkan dengan terperinci serta hikmat pengharusan poligami. Tulisan ini juga cuba menerangkan rahsia-rahsia dan hikmat berpoligami, keharusan berpoligami serta tujuannya, cara pelaksanaan serta kesan jika tanpa poligami. Buku ini juga membicarakan tentang poliandri yang tidak dibenarkan dalam Islam. Contoh yang terbaik pengamalan poligami turut dimasukkan dalam buku ini, iaitu Nabi Muhammad SAW. Segala perincian berkenaan poligami telah dijelaskan dalam tulisan ini. Namun, masih terdapat kelompangan maklumat dalam tulisan ini yang perlu dilengkapkan dari masa ke masa.

Kajian poligami dari sudut syarak amat penting kerana dengan memahami hukum berpoligami, maka segala masalah dan salah pengertian tentang poligami dapat dielakkan. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat banyak kajian dan tulisan yang membicarakan hukum poligami dari sudut syariat Islam. Antara sumbangan yang penting ialah tulisan Nor Atiqah Ghazali (1996) yang telah menjelaskan salah faham tentang poligami dengan panjang lebar menerusi buku yang bertajuk "*Poligami yang disalahertikan*". Sebagai wanita, beliau cuba membincangkan secara berhemah keharusan poligami dalam Islam. Pengertian dan hukum berpoligami telah dibincangkan secara jelas. Kandungan buku ini banyak menerangkan hukum berpoligami dan keindahan berpoligami serta cuba mengubah

pandangan negatif masyarakat terhadap poligami. Buku ini juga membincangkan keindahan poligami dalam Islam. Jadi, pandangan negatif kaum hawa khususnya terhadap poligami telah diajak untuk berfikir positif dan yang telah berpandangan positif ditambah rasa bersemangat terhadap poligami kerana poligami merupakan syariat yang telah diharuskan dalam Islam. Menolak poligami bermakna menolak hukum Allah.

Kepentingan memahami syariat berpoligami turut mendapat perhatian menerusi tulisan yang bertajuk "*Poligami: Hak keistimewaan menurut syariat Islam*" oleh Zaini Nasohah (2000). Tulisan terhadap poligami tidak pernah susut, kerana poligami menjadi satu isu yang amat menarik perhatian masyarakat, khususnya umat Islam. Kandungan buku ini sangat jelas dan dapat mencerahkan lagi kefahaman umat Islam yang ingin berpoligami serta panduan yang amat berguna kepada kaum hawa yakni pihak yang menerima kesan poligami. Banyak aspek yang telah disentuh dalam buku ini termasuklah sejarah poligami sebelum Islam, hukum poligami menurut Islam, hikmah poligami, syarat-syarat poligami serta amalan poligami masyarakat Islam di Malaysia. Buku ini ada sedikit pembaharuan kerana telah menyentuh tentang Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Penerangan tentang denda penyelewengan poligami turut dihuraikan dalam buku ini. Tuntasnya, pengamal poligami di Malaysia perlu mengikut beberapa prosedur sebelum poligami diamalkan oleh pihak yang ingin berpoligami untuk menjaga hak dan keperluan isteri dan anak-anak agar tidak terabai.

Kesan perkembangan teknologi maklumat turut membawa kebaikan dalam dunia pendidikan. Maklumat dan ilmu pengetahuan bukan sahaja diperolehi menerusi pengajaran bersemuka, malah ilmu pengetahuan turut diperolehi secara atas talian. Berhubung dengan kajian poligami, satu *e-book* telah dihasilkan oleh Hafiz Firdaus B Abdullah (2012) yang berjudul "*202 Pelajaran Berkenaan Poligami*". Banyak aspek berkenaan poligami telah

diterangkan dalam buku ini. Antaranya, hikmah, hukum dan keadilan dalam poligami, syarat-syarat poligami, larangan-larangan poligami, tips poligami untuk suami, tips poligami untuk isteri sedia ada, tips poligami untuk isteri baru dan isteri-isteri yang lain. Tuntasnya, segala keperluan hal ehwal poligami telah dibincangkan dengan teliti dalam buku ini. Malah, penulis buku ini berpendapat bahawa subjek poligami hendaklah diberi perhatian yang sungguh-sungguh sepertimana subjek *thaharah*, solat, puasa, zakat, haji, nikah, cerai, politik dan akhlak. Janganlah kita menjadi seumpama orang-orang yang beriman kepada hukum yang disukai sementara ingkar kepada hukum yang mereka anggap berat, tidak menguntungkan atau zalim.

Aslinda Binti Apandi (2005) telah melengkapkan kajiannya yang bertajuk "*Objektif Syariah dalam Amalan Poligami: Kajian di Kota Bharu, Kelantan*". Kajian ini merupakan disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Menurut Aslinda (2005), perkara penting dalam syariah Islam ialah objektifnya. Islam mengharuskan poligami yang sudah menjadi sebahagian kehidupan manusia dengan kaedah pengamalannya yang lengkap menepati tuntutan fitrah manusia dan Islam berdasarkan objektif syariahnya. Di samping untuk mendapat keredhaan dan sebagai tanda pengabdian diri terhadap Allah SWT, poligami juga berobjektifkan jaminan kemuliaan muslim, keturunan dan menjauhi kemaksiatan.

Menurut Aslinda (2005), banyak permasalahan yang timbul di sebalik pengamalan poligami kini. Hasil penyelidikan beliau mendapati bahawa kepentingan peribadi pengamal poligami menjadi faktor utama berpoligami terutamanya disebabkan oleh nafsu dan kedudukan ekonomi, berbanding faktor-faktor lain. Begitu juga sebilangan besar pengamal poligami di Kota Bharu tidak mengambil kira objektif syariah dalam pengamalan poligami, kerana kebanyakan mereka berpendirian objektif syariah tidak menjadi satu keperluan yang

sangat penting, malah beranggapan bahawa ianya perlu hanya pada dasar sahaja tetapi tidak pada penguatkuasaannya (Aslinda, 2005: vii).

Dalam kajian ini juga, realiti yang berlaku kini ialah amalan berpoligami masyarakat Islam di Kota Bharu berlaku secara tidak teratur dan terpesong dari landasan syariah Islam. Luahan kekecewaan petugas di Mahkamah Syariah Kota Bharu jelas menampakkan betapa seriusnya masalah sosial masyarakat Islam Kota Bharu, khususnya berkenaan kes-kes penyelewengan keharusan berpoligami. Fenomena ini berlaku seiring dengan konflik kecelaruan identiti Islam yang sebenar dalam masyarakat Malaysia. Secara amnya, masyarakat Islam telah dibawa arus yang jauh dari pengamatan syariat Islam. Kejatuhan peradaban Islam dahulu memang amat dirasai benar oleh masyarakat Islam Malaysia (Aslinda, 2005: 4).

Berdasarkan analisis terhadap objektif syariah sama ada dipenuhi atau tidak dalam amalan berpoligami oleh masyarakat Kota Bharu telah menunjukkan terdapat lebih kurang 60% pengamal tidak meletakkan objektif syariah sebagai satu keperluan penting. Apa yang penting kepada mereka hanyalah hukum keharusan berpoligami itu sahaja. Manakala lebih 70% pengamal meletakkan halangan kepada permohonan poligami yang tidak menepati objektif syariah adalah tidak wajar. Hal ini kerana mereka beranggapan soal objektif syariah hanyalah melibatkan pengamal itu dengan Allah SWT sahaja bukan melihat kepada masalah masyarakat (Aslinda, 2005:11). Kajian ini sangat penting kerana jelas menunjukkan amalan poligami diamalkan bukan untuk memenuhi syariat tetapi lebih kepada kehendak individu sendiri.

2.2 Kajian Poligami dari sudut Perundangan Syariah

Salah satu aspek penting dalam poligami ialah dari sudut perundangan Islam. Hal ini kerana, setiap umat Islam perlu memahami keharusan poligami serta kedudukannya dalam perundangan Malaysia. Dalam “*Buku Undang-Undang Keluarga Islam*” pada bahagian keempat yang bertajuk *Poligami dan Undang-Undang: Isu dan Realiti* yang ditulis oleh Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Haji Abdullah (1989) menjelaskan pengertian poligami, poligami zaman Rasulullah dan latar belakang poligami yang menceritakan poligami pada zaman *jahiliyah*, suami bebas melakukan apa saja terhadap isterinya, dan penafsiran-penafsiran hukum poligami. Dalam buku ini juga dikatakan bahawa kebanyakan negara-negara Islam telah membuat pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam mereka. Di Syiria pada tahun 1953 menetapkan undang-undang di mana suami yang ingin berpoligami mestilah membuktikan bahawa beliau berkeupayaan dari sudut kewangan untuk menyara isteri-isterinya di depan mahkamah. Pengadilan akan membuktikan apakah suami tersebut layak untuk berpoligami atau tidak. Undang-undang ini diikuti oleh negara-negara lainnya termasuk Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menerusi artikelnya yang bertajuk “*Poligami suatu keharusan bersyarat*” telah diterbitkan untuk mengukuhkan lagi kefahaman umat Islam terhadap poligami. Dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia, poligami dibenarkan dengan syarat suami hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Hal ini diperuntukkan dalam seksyen 23(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Menurut seksyen 23(3) AUKI 1984, permohonan suami hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan. Akuan tersebut hendaklah mengandungi alasan-alasan mengapa perkahwinan poligami ini patut dan perlu,

keadaan kewangan suami dengan memberi butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan serta bilangan tanggungan termasuk orang yang akan ditanggungnya berikutan dengan perkahwinan baru yang dicadangkan (<http://www.islam.gov.my>).

Selain itu pemohon perlu menyatakan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isteri telah diperolehi mengenai perkara tersebut. Mahkamah dalam memberi pertimbangan akan mengambil kira empat syarat kebenaran untuk berpoligami sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 23(4) AUKI 1984, iaitu;

1. Perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu memandang kepada keadaan isteri dari segi kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila.
2. Pemohon mempunyai kemampuan mengikut kehendak syarak untuk menanggung semua isteri dan tanggungannya termasuk orang yang bakal ditanggungnya berikutan dari perkahwinan yang baru.
3. Pemohon berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isteri mengikut kehendak hukum syarak.
4. Perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan darar syar'ie kepada isteri.

Hakikatnya syarat yang dikenakan dalam undang-undang bukan bertujuan untuk mengharamkan poligami kerana mengharamkannya bertentangan dengan hukum syarak. Namun ia dijadikan sebagai satu mekanisme untuk mengawal kaum lelaki daripada menyalahgunakan keharusan berpoligami sesuka hati mereka (<http://www.islam.gov.my>). Demikianlah adilnya hukum Islam yang menjaga golongan wanita daripada teraniaya.

Menurut Raihanah Abdullah (2003), persoalan tentang hal ehwal perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah lama didokumentasikan dan diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam berasaskan kepada prinsip Perundangan Islam. Hal ini boleh dilihat dalam Undang-undang Melaka yang dikatakan sebagai menggambarkan corak dan perkembangan yang dialami oleh Masyarakat Melayu lama yang telah memperuntukkan lebih kurang 18 fasal yang berkaitan dengan kekeluargaan (Raihanah, 2003: 135). Menerusi kajian beliau yang bertajuk “*Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*” telah memperincikan tentang hak suami dan isteri dalam berpoligami. Kajian ini banyak berfokus pada undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Dalam kajian ini, penjelasan terperinci berkenaan poligami dan perundangan dibincangkan. Peruntukan berkaitan dengan permohonan poligami yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam ini sebenarnya adalah bertujuan untuk mengawal amalan tersebut agar tidak berlaku sesuatu yang tidak diinginkan akibat daripada amalan poligami yang tidak betul. Oleh sebab itu semua negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syarie.

Peruntukan-peruntukan yang ada bagi melihat hak-hak isteri dalam perkahwinan poligami dijamin oleh Undang-undang keluarga Islam yang sedia ada turut dinyatakan (Raihanah, 2003: 138). Bagi negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak telah memperuntukkan prosedur terperinci yang perlu dipatuhi sebelum Mahkamah Syariah sebelum meluluskan permohonan tersebut. Pemohon perlu menyatakan:

- Alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu

- Pendapatan pemohon
- Butir-butir komitmen, kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan
- Bilangan orang tanggungannya termasuk orang yang akan menjadi tanggungannya
- Sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isteri yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.

Rumusan daripada kajian Raihanah (2003) menyatakan bahawa peruntukan yang ada bertujuan untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan yang boleh mengakibatkan ketidakadilan terhadap isteri/isteri-isteri dan anak-anak. Bagaimanapun undang-undang yang ada masih belum mencukupi untuk menjamin hak-hak isteri daripada diabaikan. Walaupun pada dasarnya seseorang suami perlu memenuhi beberapa syarat yang telah diperuntukan oleh Undang-undang, namun dalam banyak keadaan, Mahkamah lebih berkecenderungan untuk meluluskan permohonan poligami sekalipun pendapatan mereka yang kadangkala sukar melalui mata kasar untuk memastikan suami tersebut sebenarnya berkemampuan untuk menyara tanggungannya.

Sekiranya permohonan mereka ditolak di peringkat Mahkamah Rendah, namun apabila rayuan dikemukakan, Mahkamah Tinggi akan mempertimbangkan permohonan tersebut dan akhirnya diluluskan. Permohonan suami untuk berpoligami yang ditolak oleh Mahkamah, akan berpoligami melalui pernikahan yang dilakukan di sempadan. Kesalahan matrimoni ini tidak dihiraukan memandangkan apabila mereka pulang ke Malaysia, undang-undang masih mengiktiraf perkahwinan poligami tersebut tambahan pula hukuman yang dikenakan adalah tidak menakutkan (Raihanah, 2003: 145). Tujuan pendaftaran ini

tidak lain adalah juga untuk menjamin isteri yang dinikahi tersebut tidak akan terabai haknya.

Sementara itu, tulisan yang berkaitan dengan poligami dan perundangan telah disiarkan dalam akhbar perdana Malaysia iaitu Utusan Malaysia yang bertarikh 15 Januari 2014 di alamat http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama yang membicarakan tentang poligami dari sudut perundangan. Menurut artikel tersebut, berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah adalah suatu kesalahan jenayah. Hal ini kerana apabila perkahwinan kedua yang dilangsungkan di negara jiran, besar kemungkinan tidak sah kerana terdapat banyak sindiket perkahwinan dan pihak yang menikahkan tidak mendapat tauliah untuk menikahkan orang. Ada juga kerana wanita yang dinikahi itu masih menjadi isteri orang atau dalam eddah atau pernikahan tanpa wali yang sah atau wali hakim tidak bertauliah.

Ramai orang yang berpoligami tanpa kebenaran mahkamah ini biasanya membayar denda dan selepas itu pergi mendapatkan sijil nikahnya yang baharu dan meneruskan kehidupan seolah-oleh tiada apa-apa yang berlaku. Jika ini adalah kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Sivil, sudah tentu hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya memberi kesan kepada diri dan keluarga pesalah. Malangnya di Malaysia, pesalah jenayah syariah tidak langsung dikenakan hukuman masyarakat kerana masyarakat memandangnya sebagai kesalahan agama yang bersifat peribadi. Dalam hal hukuman dari Mahkamah Syariah, majikan sama ada kerajaan atau swasta tidak langsung mengambil perhatian terhadap kesalahan dan hukuman dari Mahkamah Syariah. Malahan ada dalam kalangan peguam syarie yang melanggar peruntukan ini (<http://www.utusan.com.my>).

Jika seorang peguambela/peguamcara bagi Mahkamah Tinggi Sivil dijatuhkan hukuman kerana kesalahan jenayah, pihak Majlis Peguam boleh mengambil tindakan

tatatertib terhadap peguam tersebut. Menurut Akta Profesion Undang-undang, peguam itu boleh didenda, dilucutkan status peguamnya dan dia tidak boleh mengamal undang-undang lagi. Tuntasnya daripada isu-isu ini, penulis menegaskan bahawa jika peguam syarie yang melanggar peruntukan Seksyen 124 atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri masing-masing, jika kesalahan tersebut membawa kesan jenayah yang membawa hukuman penjara atau denda, maka peguam tersebut tidak lagi layak menjadi peguam dan boleh dilucutkan statusnya. Kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam sepatutnya sama tarafnya dengan kesalahan jenayah yang lain seperti khalwat, zina dan jenayah di bawah Undang-undang Sivil seperti mencuri, merompak, meragut dan sebagainya. Jika kesalahan jenayah syariah dalam enakmen keluarga tidak diambil kira sebagai satu kesalahan jenayah yang lain dan membawa kesan yang mendalam dalam diri pesalah dan boleh menjadi teladan kepada masyarakat, maka ia akan terus dilakukan seolah-olah ia bukan satu kesalahan. Dalam perundangan keluarga ada banyak lagi kesalahan jenayah yang membawa hukuman denda dan penjara. Masyarakat perlu sedar dan menghormati semua undang-undang termasuk undang-undang jenayah syariah dalam perundangan keluarga.

2.3 Kajian Poligami dari sudut kesan positif dan negatif

Tulisan atau kajian yang membincangkan kesan-kesan poligami ke atas institusi keluarga juga banyak dilakukan. Kebanyakan kesan-kesan yang dipaparkan adalah yang bersifat negatif dan amat sedikit yang memberikan dapatan yang positif. Hal ini amat bertentangan dengan hikmah poligami yang sewajarnya banyak memberikan kesan yang positif kepada pengamalnya serta pihak yang terlibat dengan poligami sama ada kepada pihak wanita, anak-anak dan suami itu sendiri. Kesan negatif wujud kerana sikap dan ketidakmampuan

pada pihak suami itu sendiri dalam menguruskan rumahtangga mereka serta berlaku ketidakfahaman tentang hukum poligami itu sendiri pada kedua-dua belah pihak. Lantas, mereka mengamalkan poligami tanpa memahami hukum yang sebenarnya.

Muhammad Abdul Rauf (1989) mengkaji tentang keburukan poligami. Menurut beliau, walaupun terdapat banyak kelebihan berpoligami, namun terdapat juga keburukannya. Masalah biasanya terjadi apabila seorang suami yang berpoligami tidak berlaku adil terhadap semua isteri dan anaknya. Perkara ini menimbulkan perasaan iri hati di kalangan isteri dan anak sehingga ke tahap ingin membalas dendam. Terdapat sesetengah madu yang menganiaya madu mereka dari segi fizikal atau mental. Anak-anak pula menjadi mangsa yang tersepit dalam konflik yang berlaku di antara kedua ibu bapa serta ibu tiri (<http://www.psb1.uum.edu.my/>).

Kajian yang memfokuskan kepada kesan amalan poligami telah dilakukan oleh Sa'diah Bt Abdul Samad, (2002). Kajian ini bertajuk "*Kesan Poligami terhadap keluarga Islam: Suatu Kajian di Langkawi Kedah*". Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk melihat apakah kesan-kesan amalan poligami dalam kalangan penduduk sekitar Langkawi terhadap keluarga. Kesan yang ditinjau adalah terhadap suami sendiri sebagai pengamal poligami, terhadap isteri atau isteri-isteri dan juga anak-anak di dalam keluarga tersebut. Kajian ini dibataskan kepada pengamal poligami yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Langkawi sahaja.

Kajian ini mendapati bahawa amalan poligami memberi kesan yang berbeza dalam kalangan keluarga yang mengamalkannya. Jika ianya dilaksanakan dengan baik iaitu dengan mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan, ahli keluarga akan menerima

kesan yang baik, jika tidak sebaliknya yang berlaku. Kenyataannya, daripada kajian ini didapati kesan negatif yang wujud dari amalan poligami di daerah ini adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan kesan yang berbentuk positif. Walau bagaimanapun. Dalam soal-soal tertentu didapati tidak semestinya keluarga yang berpoligami sahaja akan menempuh berbagai-bagai masalah, kerana keluarga yang tidak terlibat dengan poligami pun ada ketikanya menghadapi masalah lebih besar yang memberi kesan tidak baik terhadap keluarga mereka (Sa'diah, 2002: iv).

Dalam tulisan yang bertajuk "*Kesan Poligami terhadap wanita*" pihak Pertubuhan Wanita (WAO) telah menerima aduan daripada wanita yang berpoligami termasuklah daripada yang bukan Islam (<http://www.wao.org.my/news>). Berdasarkan pengalaman WAO, lazimnya dalam hubungan yang berunsur keganasan, seseorang suami akan mengugut untuk berkahwin lain jika isterinya tidak menurut perintahnya. Malah WAO juga mendapat aduan mengenai situasi dalam hubungan antara pasangan yang beragama lain, suami mengugut akan menganut agama Islam dan berkahwin dengan wanita Muslim. Tindakan ini seolah-olahnya menyalahgunakan agama untuk kepentingan sendiri.

Poligami telah dijadikan satu institusi. Malangnya institusi ini mempengaruhi budaya dan tindak-tanduk lelaki yang melihat diri mereka sebagai lebih berpengaruh dan segala tindakan mereka tidak boleh dipersoalkan. Kini mereka ingin memperluaskan lagi dominasi tersebut. Keadaan membolehkan lelaki Islam mengamalkan poligami, telah mewujudkan satu situasi lelaki sering menyalahgunakan keistimewaan ini untuk memanipulasi dan menganiayai isteri mereka. WAO amat berbangga untuk menganggotai Gabungan Hak Wanita Dalam Islam dan memperjuangkan hak-hak wanita yang dianiayai. Malah adalah satu perkara yang mengagumkan kerana anggota-anggota gabungan ini

bersatu dan mengambil pendirian bahawa monogami merupakan satu elemen penting dalam mewujudkan dan mengukuhkan satu kehidupan keluarga.

2.4 Kajian Poligami dari sudut pandangan

Pandangan masyarakat umum terhadap poligami adalah pelbagai, ada yang setuju dan ada juga yang tidak setuju dengan poligami terutamanya golongan wanita. Di Malaysia, tidak banyak kajian atau tulisan yang mendedahkan pandangan wanita Islam terhadap poligami khususnya bagi yang telah berkahwin ataupun yang belum berkahwin. Hal ini kerana, kebanyakan golongan ini merasa kluatir akan berlaku pengabaian terhadap mereka dan anak-anak apabila berlakunya poligami dalam sesebuah keluarga. Namun, hal ini bukanlah menjadi punca utama golongan wanita menolak poligami. Berdasarkan pemerhatian penulis, penolakan mereka terhadap poligami adalah kerana tidak memahami hukum berpoligami dari segi syarak. Sebaliknya bagi pihak suami pula, poligami diamalkan kerana lebih banyak disebabkan oleh faktor kelemahan isteri dari segi zahir dan batin.

Oleh sebab itu, satu kajian telah dilakukan oleh sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai *Sisters in Islam* (SIS) cuba menegakkan keadilan hak asasi wanita. SIS yang giat memperjuangkan hak asasi kaum wanita dalam pelbagai perkara termasuklah poligami. Untuk itu, SIS telah mengemukakan pandangan mereka terhadap poligami menerusi buku yang bertajuk *Islam and Polygamy* oleh Zaitun Mohammed Kassim (2002). SIS mempunyai pandangan negatif terhadap isu poligami yang terhasil dari realiti yang berlaku di masyarakat sehingga mereka membuat interpretasi baru dalam memahami ayat-ayat al-Quran yang berkenaan mengenai poligami. Hal ini merupakan diantara sebab wujudnya pertubuhan-pertubuhan yang memperjuangkan hak-hak wanita, seperti SIS. Mereka menyebarkan pemahaman terhadap interpretasi dari pada nas-nas Al-

Quran dan Sunnah melalui pelbagai cara seperti diskusi, seminar, laman web, dan khidmat nasihat. SIS tidak menerima bahawa poligami itu berasal dari Islam. Menurut mereka, sebelum Islam datang, poligami sudah diamalkan oleh bangsa sebelum Islam. Pandangan yang menyatakan bahawa poligami adalah salah satu syariat Islam adalah pandangan tradisional. SIS juga berpesan agar masyarakat tidak mentafsirkan al-Quran sendiri.

Satu lagi kajian telah dilakukan di wilayah utara Semenanjung oleh Zaleha Muhamat (1999) dan telah diterbitkan pada 2002. Kajian ini bertajuk "*Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*". Kajian ini turut menyentuh pandangan dan komen orang ramai terhadap poligami (Zaleha, 2002: 58-76). Berdasarkan analisis tersebut, pendapat yang mengatakan bahawa poligami boleh membahagiakan keluarga yang tiada anak hanya dipersetujui oleh Perlis (68%) dan Kedah (67.4%) manakala Pulau Pinang (48.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Menariknya, kajian tersebut mendapati ketiga-tiga negeri berkenaan bersetuju bahawa berpoligami dalam keadaan ekonomi suami tidak kukuh menyebabkan bahaya kepada anak-anak dan isteri-isteri (keluarga yang berkesempitan hidup). Analisis ini juga menunjukkan pendapat yang mengatakan kebanyakan keluarga yang berpoligami bahagia juga ditolak dengan peratusan yang tinggi bagi Pulau Pinang (21.5%), Perlis (28.6%) dan Kedah (59.5%). Pandangan awam juga diselidik agar memperketatkan syarat poligami sebelum diluluskan oleh pihak berwajib. Peratusan bagi pernyataan ini disokong dengan purata 75.6% bagi ketiga-tiga negeri ini.

Dalam kajian Sa'diah Bt Abdul Samad, (2002) yang bertajuk "*Kesan Poligami terhadap keluarga Islam: Suatu Kajian di Langkawi Kedah*" juga memuatkan kajian tentang pandangan isteri pertama dan isteri kedua terhadap kehidupan berpoligami yang dilalui (Sa'diah, 2002: 99). Apabila ditanya pendapat mereka mengenai lelaki yang berhasrat untuk berpoligami, kesemua dari kalangan isteri pertama tersebut berpendapat

bahawa poligami tidak perlu sama sekali kecuali bagi lelaki yang memang mempunyai alasan yang mendesak seperti ketiadaan zuriat dan isteri yang terlalu uzur. Dan bagi lelaki yang telah melangkah ke alam poligami sikap bertanggungjawab dan adil amat perlu bagi memastikan tindakan poligami tersebut selari dengan kehendak syarak.

Tidak ketinggalan, para isteri tersebut menyatakan bahawa sikap suami terutamanya dari sudut kesanggupan berlaku adil, memainkan peranan yang penting bagi memastikan poligami ini dapat membantu mengukuhkan institusi keluarga. Tanpanya, rumahtangga terbabit akan goyah dan mungkin mengalami perpecahan. Hakikat ini memang sedang dilalui oleh kalangan isteri tersebut. Hampir kesemua daripada mereka berpendapat bahawa suami mereka tidak layak untuk berpoligami. Secara keseluruhannya, para isteri tersebut walaupun lama-kelamaan akan dapat membiasakan diri dengan suasana hidup berpoligami, namun kesemuanya menyatakan bahawa mereka hanya akur pada takdir (Sa'diah, 2002: 100).

Berbanding dengan isteri pertama, yang mempunyai pandangan yang hampir selari, para isteri muda ini adalah sebaliknya. Mereka mempunyai pandangan yang pelbagai. Sebelum ini penulis sendiri mempunyai pandangan bahawa isteri muda akan mendapat layanan yang lebih daripada suami. Tetapi hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat isteri muda yang menyesali akan perkahwinan poligami tersebut. Puncanya adalah sikap suami yang 'panasnya' tidak sampai ke petang'. Janji-janji yang diucapkan sebelum perkahwinan tidak dapat ditunaikan. Malah terdapat dalam kalangan responden tersebut mengetahui bahawa mereka telah ditipu setelah perkahwinan berlaku. Suami mengatakan bahawa mereka telah menceraikan isteri pertama untuk berkahwin dengan mereka. Namun kenyataannya, tidak begitu. Bagi golongan ini, bolehlah dikatakan bahawa mereka memang

tidak pernah berminat untuk hidup bersedu, tetapi setelah rahsia terbongkar mereka terpaksa melaluinya.

Rata-rata daripada mereka berpendapat bahawa sikap suamilah yang banyak menentukan harmoni atau tidaknya sesebuah rumahtangga yang berpoligami. Bagi isteri, walau agak sukar untuk menerima hakikat bersedu, namun mereka tetap cuba untuk tidak menambah buruk keadaan. Sekurang-kurangnya kesan negatif daripada kehidupan poligami itu tidak membabitkan anak-anak mereka (Sa'diah, 2002: 101). Terdapat juga dalam kalangan isteri tersebut yang mempunyai pandangan yang lebih sederhana. Mereka tidak keterlaluan dalam melahirkan rasa tidak puas hati dengan situasi yang dialui dan juga tidak berbangga diri atau terlalu yakin dengan kedudukan mereka sebagai isteri muda. Bagaimanapun, mereka mengakui bahawa poligami ini hanya sesuai untuk lelaki yang benar-benar mampu dan mempunyai keperluan yang mendesak sahaja. Seperti perkahwinan biasa, poligami juga pada pandangan mereka bukanlah perkara yang boleh dicuba-cuba (Sa'diah, 2002:102).

2.5 Rumusan

Sebagai rumusan kepada Bab II, menjelaskan bahawa kajian dan tulisan-tulisan berkaitan poligami yang terdahulu telah membincangkan aspek hukum syarak, perundangan, pandangan dan kesan-kesan berpoligami secara jelas dan terperinci. Daripada dapatan-dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa poligami menjadi satu isu yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat khususnya masyarakat Islam. Walaupun telah banyak kajian dan tulisan yang telah dipaparkan, namun poligami masih menjadi isu hangat khususnya dalam kalangan wanita. Justeru, kajian ini amat penting untuk mengenal pasti pandangan wanita Islam terhadap poligami.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data dan maklumat penyelidikan dikumpul, dianalisis dan seterusnya dinilai. Bab ini akan membincangkan dan menghuraikan secara terperinci reka bentuk kajian, sampel kajian, tempat kajian, data kajian dan analisis data yang akan digunakan untuk memperoleh data bagi kajian ini. Berikut merupakan metodologi kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini.

3.1 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian yang akan dijalankan ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kualitatif, iaitu menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk temu bual responden. Kajian lapangan ini, dilakukan dalam persekitaran semula jadi dan situasi yang “realistik”. Soalan temu bual telah disediakan dan setiap responden ditanya untuk mendapatkan

pandangan mereka terhadap soalan yang dikemukakan. Sebanyak sepuluh soalan temu bual telah disediakan untuk mendapatkan pandangan responden.

3.2 Sampel kajian

Persampelan merupakan suatu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan individu yang mewakili kumpulan besar yang dipilih. Persampelan juga bermaksud pemilihan suatu kumpulan orang, institusi, tempat atau fenomena yang ingin diselidiki oleh penyelidik (Noraini Idris, 2010: 112). Sampel dalam penyelidikan ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan. Justeru, untuk menjalankan kajian ini, sampel yang dipilih ialah staf wanita Islam di UiTM, Kampus Samarahan Sarawak daripada tiga fakulti yang mewakili 30 orang responden. Seramai 5 responden dipilih secara rawak dengan mengambil kira fakulti yang berlainan dan status perkahwinan. Tiga fakulti tersebut ialah Fakulti Pendidikan, Fakulti Perakaunan dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

3.3 Tempat kajian

Tempat kajian ialah kawasan atau lokasi kajian ini dilakukan. Untuk itu, kajian tentang pandangan poligami ini dilakukan di UiTM Kampus Samarahan Sarawak. Tiada sebab khusus pemilihan tempat kajian ini. Walau bagaimanapun, pemilihan tempat kajian ini dilakukan memandangkan kajian sebegini belum dilakukan di Sarawak. Penulis juga memilih kawasan kajian di UiTM kerana memudahkan pengkaji mendapatkan data kajian dari segi responden yang berpendidikan tahap ijazah dan ke atas.

3.4 Instrumen Kajian

Semua penyelidikan melibatkan pungutan data. Data merujuk kepada maklumat yang diperoleh penyelidik tentang subjek penyelidikan. Contoh data ialah maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama; skor bagi ujian yang dibina oleh penyelidik; respons kepada soalan penyelidik, sama ada melalui temu bual atau jawapan bertulis dalam borang soal selidik (Noraini Idris, 2010: 136). Untuk kajian ini, satu instrumen kajian telah dibina untuk mendapatkan data. Instrumen tersebut merupakan satu set soalan temu bual telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian 1 (Maklumat Responden) dan Bahagian B (pandangan tentang poligami).

3.4.1 Bahagian 1: Maklumat responden/ demografi

Bahagian ini mengandungi maklumat demografi responden seperti nama, umur, bangsa, asal, pekerjaan, tahap pendidikan, status perkahwinan, maklumat suami dan jumlah anak dan status sebagai isteri. Maklumat ini diperlukan untuk membantu pengkaji mengetahui tahap pengetahuan responden tentang poligami berdasarkan latar belakang pendidikan responden sama ada mengikuti pendidikan aliran formal atau aliran agama. Tahap pendidikan responden juga menentukan pandangan mereka terhadap poligami sama ada pandangan yang condong ke arah tuntutan agama atau lebih kepada perasaan.

3.4.2 Bahagian 2: Pandangan tentang poligami

Soalan temu bual yang disertakan dalam bahagian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mereka terhadap poligami. Soalan-soalan yang disediakan merangkumi pandangan, pengetahuan, kesan-kesan akibat berpoligami dan pengaruhnya. Jawapan temu bual daripada responden digunakan untuk menyempurnakan dapatan kajian ini. Terdapat 10

soalan yang telah dikategorikan berdasarkan 4 soalan kajian yang telah dikemukakan. Soalan 1 dan soalan 4 untuk menjawab soalan kajian yang pertama, soalan 2, 4, dan 7 untuk menjawab soalan kedua, soalan 5 dan 6 untuk menjawab soalan ketiga dan soalan 8, 9, dan 10 untuk menjawab soalan kajian yang keempat.

3.5 Prosedur pengumpulan Data

Untuk melaksanakan kajian ini, tiada prosedur yang khusus kerana kajian ini dijalankan tidak melibatkan peraturan organisasi. Kajian ini hanya melibatkan kesediaan responden untuk ditemu bual. Pemilihan responden dilakukan secara sukarela dengan memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, soalan-soalan temu bual yang dikemukakan perlu ditapis kerana dikhuatiri menyentuh sensitiviti responden. Hanya soalan yang berkaitan dengan kajian ini dikemukakan kepada responden. Setiap temu bual bersama responden telah dirakam dan dicatat dan seterusnya ditranskripsi. Data yang telah disusun, ditaip dan direkod dan disimpan dalam perisian *Microsoft Word* untuk digunakan menganalisis kajian ini.

3.6 Data Kajian

Kajian ini menggunakan data yang diperoleh secara temu bual. Seramai 5 orang responden yang telah dipilih secara rawak telah ditemu bual berdasarkan sepuluh soalan yang telah disediakan. Semua maklum balas daripada responden ini diklasifikasikan berdasarkan jawapan yang mereka berikan. Secara umumnya, klasifikasi ini berdasarkan pandangan terhadap poligami sama ada bersetuju atau tidak bersetuju. Pandangan umum tentang poligami juga diklasifikasikan berdasarkan kefahaman mereka terhadap hukum poligami

dalam Islam. Kriteria lain yang turut dianalisis ialah tentang kesan poligami serta sama ada pengaruh negatif poligami mempengaruhi pandangan responden terhadap poligami.

3.7 Analisis Data

Dalam bahagian ini, analisis data dilaksanakan menerusi temu bual yang telah dilakukan. Soalan-soalan temu bual yang telah dikemukakan disusun dan maklum balas yang telah diperolehi daripada responden telah dianalisis secara deskriptif. Analisis kajian cuba menjawab empat persoalan utama dalam kajian yang seterusnya menjawab objektif kajian. Bagi soalan kajian yang pertama, analisis dilakukan untuk melihat pandangan responden terhadap poligami. Semua maklumat yang diberikan responden disusun mengikut pandangan mereka terhadap poligami sama ada pandangan yang umum atau dikhususkan berdasarkan hukum poligami.

Untuk mencapai objektif kedua dan menjawab soalan kajian yang kedua pula, pemahaman responden dinilai berdasarkan pengetahuan umum mereka terhadap poligami. Untuk menjawab soalan kajian yang ketiga pula, kesan-kesan poligami dilihat dari dua aspek, iaitu kesan positif dan kesan negatif juga berdasarkan maklum balas responden. Analisis bagi soalan kajian keempat ialah berkenaan pengaruh kesan buruk poligami ke atas pandangan staf wanita Islam di UiTM. Analisis kajian ini secara keseluruhannya adalah secara huraian deskriptif dan secara kualitatif.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil kajian yang diperoleh berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk. Untuk memperoleh dapatan kajian ini, sebanyak 30 responden telah ditemui berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan seperti dalam Lampiran 1. Kemudian, hanya 5 responden akan dipilih secara rawak daripada 30 responden ini, daripada tiga fakulti yang berbeza iaitu Fakulti pendidikan (2), Fakulti Perakaunan (2) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (1). Jawapan atau maklum balas daripada kesemua responden ini akan dihuraikan secara kualitatif berdasarkan jawapan responden untuk menjawab persoalan kajian ini. 5 responden ini dikod sebagai R1, R2, R3, R4, dan R5 untuk menjaga identiti mereka. Soalan dianalisis berdasarkan urutan, iaitu daripada soalan 1 hingga soalan 10. Ringkasnya, kajian ini akan menjawab empat persoalan utama, iaitu pengetahuan tentang poligami, pandangan tentang poligami, kesan-kesan berpoligami dan pengaruh negatif poligami ke atas pandangan staf wanita Islam UiTM.

4.1 Memahami Poligami

Poligami sering disalah ertikan oleh masyarakat khususnya dalam kalangan wanita. Walaupun poligami merupakan syariat yang diharuskan dalam Islam, namun tidak semua

masyarakat Islam mengetahuinya. Bagi golongan yang tidak mendalami hukum-hukum Islam, kebanyakan mereka menganggap poligami adalah sama seperti amalan-amalan yang lain. Oleh itu, golongan ini beranggapan, poligami yang diamalkan boleh mencetuskan suasana yang tidak tenteram dalam keluarga. Maka, adalah wajar untuk mengenal pasti pandangan terhadap poligami bagi wanita Islam di UiTM. Apatah lagi, kebanyakan pandangan tentang poligami ini disuarakan oleh golongan yang berpendidikan tahap ijazah Sarjana dan PhD. Hal ini secara tidak langsung dapat mencerminkan pemikiran mereka terhadap poligami.

Dalam kajian ini, konsep penting yang perlu difahami dengan jelas ialah pekataan ‘pandangan’ yang bermaksud anggapan, tanggapan, pendapat dan fikiran (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2007: 1128). Secara umumnya, pandangan mereka terhadap poligami adalah pelbagai dan kurang menepati hukum yang digariskan oleh syarak. Pandangan mereka terhadap poligami rata-ratanya menegaskan bahawa poligami hanya bagi suami yang berkemampuan dan ketidakmampuan suami untuk berlaku adil menjadi alasan kepada mereka menolak poligami. Berikut merupakan huraian dan analisis terhadap soalan 1 hingga soalan 10.

4.1.1 Analisis soalan 1

Apabila diajukan soalan tentang pandangan terhadap poligami, R1 mengatakan bahawa poligami adalah sunnah. Pandangan R1 dikaitkan dengan hukum Islam dan memahami konsep poligami dengan baik. Menurut R1;

“ia boleh diaplikasikan hanya untuk yang mampu, mahu dan perlu sahaja. Selain

itu, lelaki yang ingin berpoligami haruslah melaksanakan hukum syariah, haruslah bersikap adil terhadap isteri-isterinya”.

(R1 soalan 1)

Apabila soalan ini diajukan kepada R2, maklum balas yang diperoleh juga sama. Menurut R2, poligami dibenarkan dalam Islam dan ia sesuatu yang baik kalau dilaksanakan mengikut syariat Islam, iaitu menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai landasan untuk berpoligami. R3 pula menjelaskan bahawa;

“poligami merupakan satu konsep yang kompleks. Poligami perlu difahami dengan sewajarnya supaya tidak memudaratkan sesebuah perkahwinan dan hubungan kekeluargaan”.

(R3 soalan 1)

Pada R3, sememangnya agak sukar bagi seseorang yang berpoligami untuk mengekalkan rasa adil bagi kedua-dua pihak. Pandangan tentang poligami turut mendapat respons daripada R4 yang menjelaskan poligami adalah satu ikatan seorang lelaki bersama 2 atau 4 orang perempuan secara sah. Bagi R5 pula, poligami adalah suatu yang baik jika suami mampu untuk berlaku adil. Hal ini perlu difahami setiap wanita bahawa poligami bukanlah sesuatu yang menimbulkan ketakutan kepada mereka kerana hak kaum wanita sentiasa terpelihara selagi kita berpegang kepada syariat-Nya.

Analisis keseluruhan terhadap soalan 1 menunjukkan bahawa responden mempunyai pandangan yang agak baik terhadap poligami kerana mampu menerangkan konsep poligami secara umum dan sedar bahawa poligami mempunyai syarat-syarat yang tertentu sebelum dilaksanakan.

4.1.2 Analisis soalan 2

Untuk menganalisis maklum balas responden terhadap soalan 2, pengkaji telah menyusun jawapan responden berdasarkan maklum balas mereka, iaitu sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap poligami. Jadual 2 berikut merupakan ringkasan profail responden dan maklum balas responden terhadap soalan 2.

Jadual 2: Profail Responden

Responden	Status perkahwinan	Pendidikan	Bersetuju/ tidak bersetuju
R1	Berkahwin Anak 1	Ijazah Sarjana	Tahu hukum Bersetuju
R2	Berkahwin Berpiligami-4 anak	PhD	Tahu hukum Bersetuju
R3	Berkahwin Anak 2	Sarjana	Tahu hukum Bersetuju dan bersyarat
R4	Berkahwin Tiada anak	Ijazah Sarjana	Tidak dikaitkan dengan hukum Tidak bersetuju
R5	Berkahwin 2 anak	Ijazah Sarjana	Tidak dikaitkan dengan hukum Tidak bersetuju

Analisis terhadap R1 mendapati beliau bersetuju dengan poligami dan begitu yakin dengan jawapannya. Menurutnya;

“terdapat pelbagai hikmah poligami seperti pada zaman sekarang, jumlah perempuan lebih ramai daripada kaum lelaki. Poligami dapat membantu dan membela wanita, andartu dan janda yang mempunyai anak yang ramai. Selain itu, kaum wanita tidak mempunyai hak untuk menolak suami yang ingin berpiligami

sekiranya suami berkemampuan dan berkeinginan kerana poligami dibenarkan dalam Islam berdasarkan ayat al-Quran”

(R1 soalan 2)

Bagi R2 pula, persetujuan diberikan apabila ditanya tentang poligami kerana poligami dibenarkan dalam Islam berlandaskan syariatnya. Menurut R2 lagi, pada dasarnya syariat telah membolehkan seorang laki-laki memilih isteri lebih daripada seorang akan tetapi jumlah maksimum yang boleh dinikahi adalah empat orang. Ternyata, R2 mempunyai asas dalam memahami hukum poligami berlandaskan syariat Islam. Bagi R3 pula, maklum balas untuk soalan 2 seperti berikut;

“saya bersetuju dengan bersyarat untuk berpoligami kerana poligami merupakan satu jalan alternatif sekiranya pasangan yang berkahwin tidak mempunyai zuriat, dan sekiranya ia dilaksanakan bagi mendapat kebaikan. Misalnya, untuk membantu menjaga makan dan minum suami dan anak-anak apabila isteri pertama tidak mampu menunaikan tanggungjawab atas sebab-sebab tertentu seperti sakit tenat”.

(R3 soalan 2)

Sebaliknya, apabila soalan ini diajukan kepada R4, dengan tegas beliau menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan poligami kerana R4 tidak menyokong poligami. Daripada jawapan R4 ini jelas menunjukkan bahawa aspek hukum syariat terhadap poligami telah diabaikan. Hal ini kerana, poligami bukanlah untuk disokong atau sebaliknya kerana syariat yang diharuskan dalam Islam wajar dipatuhi bagi suami yang memenuhi syarat-syaratnya. Seorang lagi responden yang tidak bersetuju dengan poligami ialah R5. Penolakan poligami disebabkan amalan poligami akan menyebabkan berlakunya

ketidakadilan daripada pihak suami dan secara tidak langsung akan melukakan hati banyak pihak.

Berdasarkan analisis keseluruhan terhadap soalan 2, terdapat dua pandangan yang berbeza terhadap poligami. 3 responden yang dikod sebagai R1, R2, dan R3 bersetuju dan bersetuju bersyarat dengan poligami manakala 2 responden lagi yang dikod sebagai R4 dan R5 tidak bersetuju dengan poligami. Bagi responden yang menerima poligami, terdapat pengetahuan dan kesedaran dalam diri mereka bahawa poligami merupakan syariat yang dibenarkan dalam Islam dan ada sebab tertentu yang mengharuskan poligami. Poligami bukanlah boleh diamalkan secara sewenang-wenang kerana pelaksanaannya dalam kehidupan berkeluarga perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi responden yang menolak poligami pula, kebimbangan terhadap ketidakadilan suami menjadi penentu mereka menolak poligami. Hal ini bermakna, kemungkinan poligami akan diterima sekiranya suami mampu melaksanakan tanggungjawab dengan adil bagi bagi kesemua isteri-isteri yang terlibat.

4.1.3 Analisis soalan 3

Soalan 3 dikemukakan adalah untuk mengenal pasti kefahaman responden terhadap konsep poligami. R1 menyatakan bahawa poligami adalah sunnah dan boleh diaplikasi untuk yang mampu, mahu dan perlu sahaja. Dalam hal ini, keadilan perlu dipenuhi terhadap setiap isteri yang dikahwini. Pemahaman terhadap poligami ini sangat bertepatan dengan konsep syariat Islam. Bagi R2 pula, beliau menyatakan;

“poligami adalah sesuatu yang baik sekiranya dilakukan mengikut syariat Islam dan menjadikan al-Quran dan as-sunnah sebagai landasan untuk menilai poligami”.

(R2 soalan 3)

Bagi R3 pula, poligami agak sukar untuk dilakukan kerana berpoligami menuntut agar suami dapat mengekalkan rasa adil untuk semua pihak yang terlibat. Sesungguhnya, keadilan menjadi kemuncak dalam *manhaj* dan tujuan poligami serta menjadi inti terpenting. Keadilan adalah asas untuk membangunkan masyarakat secara menyeluruh.

Bagi responden yang tidak bersetuju dengan poligami, rata-rata kefahaman mereka terhadap poligami adalah negatif. Hal ini dapat dijelaskan melalui pemahaman daripada R4 yang menyatakan bahawa;

“poligami suatu amanah yang berat untuk dilaksanakan sekiranya suami tidak berkemampuan”.

(R4 soalan 3)

Berdasarkan fenomena masa kini, R4 menyimpulkan bahawa tidak ramai wanita yang sanggup berpoligami kerana mereka tidak mahu mengambil risiko. Tanggungjawab berpoligami adalah besar dan sekiranya sukar untuk menguruskan satu keluarga, apatah lagi kesukarannya berganda-ganda apabila suami berkahwin lagi. Ternyata, sikap dan kemampuan suami menjadi tunjang kepada responden sama ada sanggup atau tidak untuk berpoligami. Hal yang sama dinyatakan oleh R5 yang sememangnya tidak akan bersetuju untuk berpoligami. Dalam hal ini, keadilan suami masih menjadi persoalan apabila ingin berpoligami.

Berdasarkan jawapan daripada responden tentang tahap kefahaman mereka ini, jelas menunjukkan bahawa kesemua responden memahami konsep poligami ini dengan baik khususnya bagi responden yang menerima poligami. Sebaliknya, bagi responden yang menolak poligami, jawapan yang diberikan hanya bersandarkan pendapat secara ilmiah yang tidak dikaitkan dengan hukum syarak. Responden ini menyatakan bahawa adalah

sukar suami akan berlaku adil sekiranya mereka dibenarkan untuk berpoligami. Mereka juga beranggapan bahawa poligami tidak wajar dilaksanakan sekiranya tidak ada alasan yang kukuh kerana berpoligami akan menimbulkan masalah atau gangguan kepada pihak yang terlibat.

4.1.4 Analisis soalan 4

Soalan 4 adalah untuk mengenal pasti kebaikan poligami. Walaupun pada dasarnya, terdapat responden yang tidak menerima poligami, namun apabila diaju soalan tentang kebaikan poligami, kesemua responden memberikan komen yang positif. Hal ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan asas tentang poligami yang bukan sahaja nampak keburukannya malah terdapat kebaikannya. Hal ini memang jelas kerana Allah SWT membenarkan poligami adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya penganiayaan terhadap wanita dan memberi jalan keluar kepada ahli keluarga yang mempunyai masalah tertentu. Bagi R1, antara kebaikan poligami yang dinyatakan ialah;

“poligami dapat mengurangkan jumlah andartu. Selain itu, nasib wanita juga terbela di samping dapat menambah jumlah institusi keluarga yang akhirnya dapat mengeratkan silaturrahim antara keluarga”.

(R1 soalan 4)

Hal ini turut disokong oleh R2 yang menyatakan bahawa dalam poligami mempunyai hikmah untuk yang pertama, iaitu keperluan kepada kaum perempuan, yang kedua keperluan untuk kaum lelaki dan yang ketiga untuk seluruh masyarakat. Mereka menyedari bilangan kaum perempuan melebihi jumlah kaum lelaki. Pada satu sisi pula, ia memberi keringanan kepada isteri yang tidak berkemampuan melahirkan zuriat dan bagi

mengelakkan berlakunya maksiat khususnya bagi suami yang mempunyai keinginan nafsu syahwat yang tinggi sehingga memerlukan lebih daripada seorang isteri. Dalam situasi ini, poligami wajib dilakukan kerana dikhuatiri terjadinya kezaliman, pergaulan bebas dan penyimpangan seksual lain.

R3 menjelaskan bahawa kebaikan poligami ialah dapat mengelakkan suami daripada melakukan maksiat. Selain itu, poligami dapat menyemai kasih sayang dan mengeratkan silaturrahim sesama Islam bagi kedua-dua belah pihak. R3 juga percaya, isteri yang redha untuk bersedu akan dikurniakan payung emas di syurga kelak. Walaupun tidak bersetuju dengan poligami, R4 menyedari kebaikan poligami adalah untuk membantu seseorang wanita daripada fitnah atau dapat membantu menampung kehidupan seseorang wanita. R5 pula menyatakan kebaikan poligami adalah untuk membantu suami isteri yang mempunyai masalah untuk mendapatkan zuriat.

Tuntasnya, semua responden mengakui poligami membawa kebaikan dalam kehidupan. Cuma, adanya kebimbangan akan berlakunya ketidakadilan suami menjadi salah satu punca mereka menolak poligami khususnya bagi R4 dan R5. Pandangan positif tentang kebaikan poligami dari segi perkongsian kasih sayang bagi isteri-isteri yang kematian suami, anak-anak dapat dijaga keperluannya dan membela kehidupan ibu-ibu tunggal yang memikul beban yang diluar kemampuan mereka menunjukkan responden tidak sepenuhnya mentafsir poligami hanya mendatangkan keburukan.

4.1.5 Analisis soalan 5

Dalam meneliti pandangan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan, aspek penetapan syarat kepada suami yang ingin berpoligami turut ditanya kepada responden. Hal ini untuk memastikan sama ada isteri yang bakal menerima madu yakin bahawa suami

tidak akan mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga yang sedia ada. Penetapan syarat oleh isteri tersebut juga menjadi jaminan kepada anak-anak agar keluarga baru yang akan menjadi sebahagian daripada keluarga yang sedia ada tidak dipandang negatif oleh mereka. Berikut merupakan maklum balas daripada sepuluh responden yang terlibat dalam kajian ini.

R1 menjelaskan bahawa sekiranya ditakdirkan untuk berpoligami, beliau berharap suami tidak akan mengurangkan apa-apa yang sebelum ini diberikan oleh suami termasuklah tidak membeza-bezakan isteri pertama dan isteri-isteri yang lain. Selain itu, suami haruslah adil dari segi kemampuan sama ada zahir dan batin serta memberikan sebab musabab ingin berpoligami. Bagi R2 pula, syarat untuk suami apabila ingin berpoligami ialah mesti mempunyai ilmu berkaitan poligami yang mencukupi dan melaksanakan semua yang dikehendaki oleh tuntutan syarak. R3 turut menegaskan agar suami bersikap adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak. Selain itu menurut R3;

“suami perlu mempunyai kemampuan untuk menanggung perbelanjaan isteri-isteri dan anak-anak serta mampu memberikan nafkah zahir dan batin kepada isteri-isteri yang dinikahi. Syarat lain seperti suami haruslah berpegang teguh kepada kehendak agama dan berpoligami mengikut batas-batas panduan yang digariskan Islam”.

(R3 soalan 4)

Penetapan syarat daripada responden yang menolak poligami juga diperoleh seandainya mereka ditakdirkan untuk berpoligami. Secara umumnya, syarat yang dikenakan oleh responden-responden ini tidak jauh bezanya daripada syarat yang dikenakan oleh responden yang menerima poligami. R4 meletakkan keadilan sebagai syarat utama apabila suami ingin berpoligami. Walaupun pada dasarnya R4 tidak menyokong poligami,

namun R4 akur sekiranya takdir menentukan sedemikian. Beliau juga menyedari adalah sukar untuk suami berlaku adil dalam semua perkara.

Seorang lagi responden yang tegas menolak poligami ialah R5. Apabila diajukan soalan tentang syarat yang akan dikenakan kepada suami apabila ditakdirkan untuk berpoligami, R5 menyatakan bahawa;

“tidak tahu untuk memberikan sebarang syarat kerana saya memang tidak akan bersetuju dengan poligami”.

(R5 soalan 5)

Jawapan ini menunjukkan bahawa memang ada golongan wanita atau isteri yang tidak akan membenarkan suaminya untuk berpoligami. Penolakan poligami ini bukanlah bermaksud mereka menolak hukum, tetapi disebabkan alasan suami yang ingin berpoligami tidak mengikut sebab yang diharuskan syarak. Hal ini dapat disokong dalam kajian yang dilakukan oleh Zaleha Muhamat (2002: 29) yang mendapati hanya 26% poligami berlaku atas sebab yang diharuskan syarak, manakala selebihnya 73.4% disebabkan faktor kehendak suami untuk memuaskan nafsunya.

4.1.6 Analisis soalan 6

Poligami memang menjadi suatu mimpi ngeri buat seorang wanita atau isteri. Hal ini kerana, suami yang telah berjanji sehidup semati akhirnya menyatakan hasrat untuk berpoligami. Setelah sekian lama hidup dalam keharmonian, kasih sayang, kebahagiaan bersama ahli keluarga yang dirasakan cukup sempurna oleh isteri akhirnya disentak oleh niat suami yang ingin berpoligami. Maka situasi ini memberi tekanan emosi yang amat mendalam pada diri isteri apatah lagi bagi isteri yang tidak memiliki ilmu agama yang

mencukupi. Poligami dianggap satu 'racun' yang mampu membunuh kebahagiaan keluarga. Justeru, isteri yang terlibat ingin mengetahui punca utama berlakunya poligami.

Berdasarkan temu bual bersama responden wanita Islam UiTM, Kampus Samarahan Sarawak, R1 memberikan punca utama berlakunya poligami pada masa sekarang disebabkan lelaki yang gatal. Namun demikian, R1 juga menyatakan poligami berlaku disebabkan kaum wanita seperti ketidakmampuan isteri melahirkan zuriat untuk suami, kelemahan isteri dalam memberi layanan kepada suami, isteri yang mempunyai masalah kesihatan yang berpanjangan dan mungkin juga pada masa sekarang kaum wanita lebih banyak dari lelaki. Punca-punca ini sebenarnya seimbang sama ada dari lelaki ataupun wanita. Namun yang pasti menurut R1, nafsu lelaki menjadi punca utama berlakunya poligami.

Bagi R2 pula, berlakunya poligami adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya maksiat atau menjauhi daripada zina. R2 merupakan seorang responden yang berpoligami, banyak berpandangan positif dalam hal poligami. Sebagai seorang yang berpendidikan, R2 mampu menerima poligami. Walaupun R2 telah memenuhi segala keperluan seorang suami, namun R2 masih mampu membenarkan suaminya berpoligami. Sekiranya sebelum ini, ramai responden menyatakan bahawa punca poligami ialah kegagalan isteri untuk melahirkan zuriat, tetapi bagi R2 yang memiliki 4 anak turut mengamalkan poligami.

Bagi R3, poligami berlaku kerana kurangnya persefahaman antara suami dan isteri seperti hilang rasa hormat dan kasih sayang antara kedua-dua belah pihak. Selain itu, wujud jurang antara suami dan isteri dalam hal kesibukan bekerja selain faktor wujudnya rasa belas kasihan dan simpati suami terhadap 'orang ketiga' dalam rumah tangga. Tambahan pula, suami tidak mempunyai kepuasan apabila memiliki seorang isteri sahaja.

Analisis terhadap responden yang menolak poligami juga mendapati antara punca utama yang menyebabkan suami berpoligami ialah untuk mendapatkan zuriat. Bagi R4, punca utama berlakunya poligami ialah disebabkan lelaki (suami) menyukai perempuan lain. Punca ini berkaitan dengan jawapan R5 yang mengatakan bahawa poligami berpunca daripada sikap lelaki yang suka menunjuk-nunjuk akan kejantanan mereka. Punca utama poligami yang diberikan oleh R5 ini bukanlah mewakili pandangan semua wanita Islam UiTM kerana kemungkinan pada masa ditemu bual responden dipengaruhi oleh emosi. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa poligami mampu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pasangan yang memerlukan zuriat.

4.1.7 Analisis soalan 7

Soalan 7 berkaitan dengan soalan 2. Soalan 7 diajukan untuk mengenal pasti faktor-faktor responden menolak ataupun tidak bersetuju dengan poligami. Bagi R1, R2 dan R3, tidak wujud penolakan terhadap poligami ini kerana poligami merupakan syariat Allah SWT yang telah dihalalkan dalam Islam demi menjaga aib dan membantu golongan wanita daripada teraniaya. R1 sendiri bersetuju bahawa poligami mempunyai banyak hikmah yang tidak disedari oleh segolongan wanita yang menolaknya. Penerimaan berpoligami oleh R3 adalah secara bersyarat untuk menjamin keadilan bagi kedua-dua belah pihak.

Untuk menilai faktor-faktor responden menolak poligami, jawapan diperoleh daripada R4 dan R5. Poligami tidak dipersetujui oleh R4 kerana berpendapat bahawa akan berlaku kesukaran untuk berlaku adil dan menjaga hati setiap isteri. R4 sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak menyokong poligami dengan mengambil contoh situasi pada masa kini yang menunjukkan bahawa tidak ramai isteri yang mahu mengambil risiko untuk hidup berpoligami. Beliau membayangkan bahawa tanggungjawab akan berganda

apabila suami berpoligami dan peluang untuk boleh berlaku adil adalah sukar. Atas kebimbangan akan teraniaya, maka R5 tidak bersetuju dengan poligami. Menurut R5;

“penganiayaan terhadap isteri pertama mudah berlaku kerana suami tidak berlaku amanah terhadap isteri. Pemberian nafkah yang tidak mencukupi akan menjejaskan perbelanjaan anak-anak yang akhirnya menyebabkan anak-anak mudah terjebak dalam gejala sosial tanpa perhatian ibu bapa mereka”.

(R5 soalan 7)

Oleh itu, bapa (suami) harus mengambil berat tentang keperluan isteri dan anak-anak sebelum membuat keputusan untuk berkahwin lagi. Tambah R5 lagi, isteri tidak akan mampu menanggung derita sebagai madu dan oleh sebab itu isteri mengambil jalan penyelesaian untuk bercerai. Bagi responden yang menolak poligami, mereka menyalahkan suami semata-mata yang dianggap bersikap gatal, suka menunjuk-nunjuk kejantanan serta mengabaikan tanggungjawab terhadap amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Hal ini tidaklah dinafikan sekiranya kita melihat senario pada masa kini, walaupun tidak semua suami yang berpoligami sedemikian.

Sebagai rumusan terhadap maklum balas responden terhadap soalan 7 menunjukkan beberapa faktor penolakan poligami oleh responden khususnya bagi responden yang tidak menyokong poligami. Faktor paling banyak diberikan ialah kebimbangan isteri terhadap suami untuk berlaku adil dan melepaskan tanggungjawab yang sedia ada. Terdapat responden yang menyatakan bahawa poligami menyebabkan suami akan mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri terdahulu dan anak-anak mereka. Pihak suami yang berpoligami juga akan mengganggu emosi banyak pihak termasuklah isteri sedia ada, anak-

anak dan keluarga. Perkara ini akhirnya akan menyebabkan keruntuhan dalam rumah tangga dan akan merenggangkan hubungan antara keluarga yang terlibat.

4.1.8 Analisis soalan 8

Analisis terhadap soalan 8 yang dikemukakan dalam temu bual ini akan menjawab persoalan tentang kesan yang dialami oleh anak-anak sama ada kesan positif ataupun kesan negatif. Soalan ini penting bagi mengetahui situasi sebenar yang dialami oleh anak-anak daripada perspektif seorang wanita (isteri dan ibu) kepada anak-anak yang terlibat. Berdasarkan analisis terhadap soalan tersebut, didapati kesan positif dan kesan negatif wujud berdasarkan cara penerimaan poligami dalam keluarga. Dalam hal ini, bagi responden yang dapat menerima poligami, maka kesan yang diperoleh oleh anak-anak turut positif manakala bagi responden yang tidak bersetuju dengan poligami akan mengundang kesan yang negatif kepada anak-anak.

R1 yang bersetuju dengan poligami menyatakan bahawa anak-anak akan mendapat kesan yang positif jika cara pelaksanaan hidup berpoligami dalam keluarga berkenaan adalah betul dan mengikut syarak. Ia juga bergantung kepada sikap ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ketua keluarga. Maklum balas responden yang dapat menerima poligami terhadap soalan 8 ini hampir sama. Hal ini dinyatakan oleh R2 seperti dalam temu bual yang telah dilakukan;

“kesan positif atau negatif yang diterima oleh anak-anak sebenarnya bergantung kepada tindakan kedua ibu bapa. Sekiranya ibu bapa melakukan perkara-perkara yang positif maka kesannya akan positif dan begitulah sebaliknya. Poligami

sepatutnya dilaksanakan mengikut al-Quran dan sunnah serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam”.

(R2 soalan 8)

Seterusnya, R3 turut menyokong pendapat R2. Menurut R3 sekiranya suami dan isteri berlaku adil, bertanggungjawab, berkemampuan dan penyayang, maka kesan yang diterima oleh anak-anak adalah positif. Tetapi sekiranya suami (ayah) dan isteri (baharu) lupa serta mengabaikan tanggungjawab masing-masing, bersikap mementingkan diri sendiri dan tiada persefahaman, maka anak-anak akan menerima kesan negatif seperti kurang kasih sayang dan perhatian daripada ayah mereka. Walau bagaimanapun, bagi responden yang tidak bersetuju dengan poligami, soalan ini mendapat respons yang sebaliknya. Menurut R4;

“anak-anak akan menerima kesan yang negatif sekiranya ibu bapa mereka berpoligami kerana perlakuan antara ayah dan isteri (baharu) akan menyebabkan anak-anak merasa hairan dan menimbulkan sangkaan yang tidak baik”.

(R4 soalan 8)

Jawapan R4 ini menunjukkan bahawa kesan negatif ini disebabkan sikap suami yang berubah dan tidak seperti sebelumnya. Kemungkinan anak-anak keliru dengan sikap ayah yang telah mengurangkan perhatian dan kasih sayang terhadap mereka lantaran kehadiran isteri baharu. Bagi R5 pula, poligami mendatangkan kesan yang negatif kepada anak-anak sekiranya isteri tidak bersetuju untuk berpoligami kerana anak-anak sering melihat ibu bapa mereka berada dalam keadaan yang tertekan. Situasi ini mempengaruhi pemikiran anak-anak yang akhirnya menjejaskan perkembangan fizikal dan mental mereka.

4.1.9 Analisis soal 9

Soalan 9 yang dikemukakan kepada responden bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dialami oleh isteri dan keluarga kesan daripada poligami. Secara umumnya, maklum balas daripada responden terhadap soalan ini adalah berbeza. Masalah yang dinyatakan oleh responden juga tidak hanya berfokus kepada isteri yang terlibat tetapi juga kepada anak-anak. Apabila sesebuah keluarga terlibat dengan poligami, maka akan ada sedikit masalah yang timbul khususnya bagi keluarga yang tidak melaksanakan poligami berdasarkan hukum syarak. Soalan 9 dalam kajian ini mengenal pasti masalah utama yang berlaku akibat berpoligami. Dalam kajian ini, terdapat beberapa masalah yang telah dinyatakan oleh responden apabila berlakunya poligami.

Bagi R1, walaupun secara dasarnya bersetuju dengan poligami, namun apabila diajukan soalan ini, R1 menyatakan bahawa;

“masalah utama yang berlaku kesan daripada poligami ialah institusi keluarga akan kucar kacir dan anak-anak juga mungkin tidak dapat menerima keadaan ibu bapa mereka berpoligami”.

(R1 soalan 9)

Hal ini menunjukkan bahawa poligami akan mendatangkan masalah walaupun isteri bersetuju untuk berpoligami. Memang tidak dinafikan oleh semua responden bahawa poligami mendatangkan masalah kepada keluarga sebagaimana yang dinyatakan oleh R2. Namun, R2 menyatakan bahawa timbulnya masalah dalam poligami adalah disebabkan pasangan yang berpoligami tidak mempunyai ilmu berkaitan poligami dan tidak mengamalkan kerukunan poligami seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Akibatnya, berlaku penzaliman dan ada pihak yang teraniaya.

Sikap suami yang berat sebelah juga menjadi masalah utama yang berlaku apabila berpoligami. Hal ini dinyatakan oleh R3. Suami tidak berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak seperti melebihkan isteri baharu (muda) daripada isteri pertama. Selain itu, berlaku perpecahan antara ahli keluarga akibat tiada persefahaman dengan ahli keluarga isteri baharu. Masalah ini bertambah rumit apabila suami tidak menunaikan tanggungjawab seperti sebelumnya.

Seterusnya, huraian ini melihat pula masalah yang dihadapi oleh isteri dan anak-anak bagi responden yang tidak bersetuju dengan poligami. Ketidakadilan dalam rumahtangga serta timbul tanggapan negatif anak-anak dan isi rumah merupakan masalah utama yang dinyatakan oleh R4. Maklum balas daripada R5 tentang masalah utama yang dihadapi apabila berpoligami ialah perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak yang masih kecil akan terabai sama ada oleh suami atau isteri. Hal ini disebabkan kesukaran pada pihak isteri untuk menerima poligami yang akhirnya menjejaskan perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak yang pada masa tersebut belum mengetahui dan memahami situasi berkongsi kasih. Pada pihak suami pula, tanggungjawab baharu yang digalas turut menjejaskan perhatian terhadap keluarga kerana terpaksa memikul tanggungjawab yang bertambah.

Walaupun responden yang terlibat dalam kajian ini majoritinya tidak berpoligami, mereka dapat merasakan bahawa hidup berpoligami akan menjadikan keluarga tidak bahagia. Hal ini dipengaruhi oleh isu-isu dan cerita-cerita negatif yang sering dipaparkan dalam media-media massa. Bagi mereka, poligami adalah pahit untuk dirasa dan tidak menyeronokkan. Amat jarang dalam kalangan wanita percaya bahawa poligami akan membawa kebahagiaan kecuali bagi wanita yang solehah.

Berdasarkan maklum balas daripada kesemua responden, maka boleh dibuat satu rumusan bahawa masalah akan berlaku apabila poligami diamalkan. Masalah yang berlaku adalah berpunca daripada sikap suami. Hal ini kerana, suami sebagai ketua keluarga perlu memiliki ilmu yang cukup dan memahami hukum poligami itu secara menyeluruh. Terdapat responden menyatakan bahawa, perceraian mungkin berlaku apabila suami tidak berlaku adil dalam memberi nafkah zahir dan batin. Begitu juga pada pihak isteri, sewajarnya faham hukum poligami. Isteri-isteri yang terlibat dengan poligami perlu bersangka baik dan sewajarnya saling bekerjasama untuk membentuk keluarga yang harmoni. Sikap yang negatif perlu dikikis dalam hati setiap isteri agar tidak timbul perasaan cemburu ke atas madu-madunya.

4.1.10 Analisis soalan 10

Soalan 10 yang diajukan kepada responden adalah untuk mengenal pasti sama ada kesan negatif atau kesan buruk poligami boleh mempengaruhi pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan. Berdasarkan temu bual terhadap responden-responden tersebut, terdapat dua pandangan yang berbeza daripada mereka. R1 menyatakan bahawa;

“poligami akan memberikan masalah kepada institusi keluarga seperti berlakunya keruntuhan rumahtangga. Akibatnya, anak-anak mengalami masalah yang sama”.

(R1 soalan 10)

Atas dasar ini, R1 mengakui kesan negatif poligami akan mempengaruhi pandangan beliau walaupun tidak menafikan bahawa poligami yang dilaksanakan menurut al-Quran dan as-sunnah mampu mengurangkan tanggapan ini. Namun demikian, kesan negatif yang dikaitkan akibat berpoligami tidak diterima oleh R2. R2 merupakan pasangan yang

berpoligami dan telah menempuh kehidupan berpoligami dengan penuh rahmat. Tidak sedikitpun kesan negatif yang diuar-uarkan oleh masyarakat dan media massa mempengaruhi pandangan R2 terhadap poligami. R2 turut menegaskan bahawa;

“poligami boleh menjadi sesuatu yang tidak kita sukai, padahal itulah yang terbaik buat kita, dan mungkin sesuatu yang kita suka adalah yang tidak baik untuk kita, maka di sini Allah yang Maha Mengetahui segala yang terbaik untuk hamba-Nya”.

(R2 soalan 10)

Respons yang sama turut diperoleh daripada R3. Menurut R3, kesan negatif yang banyak dipaparkan dan didengar dalam media-media massa serta perbualan hangat dalam kalangan kaum wanita tidak mempengaruhi pandangan beliau terhadap poligami. Jelas R3 lagi;

“Allah SWT tidak akan menghalalkan sesuatu yang memudharatkan manusia yang disebabkan masalah yang dilakukan oleh segelintir orang yang mempraktikkan poligami”.

(R3 soalan 10)

R3 sedar bahawa antara kaum laki-laki ada yang memiliki nafsu syahwat yang tinggi sehingga tidak cukup baginya hanya memiliki seorang isteri, sedangkan dia (suami) orang yang baik dan mempunyai ilmu agama. Oleh sebab takut dirinya terjerumus dalam perzinaan dan dia ingin menyalurkan keperluan syahwatnya secara halal, maka poligami adalah jalan terbaik. Jelaslah bahawa, poligami adalah rahmat Allah SWT kepada manusia yang dibenarkan mengikut keperluan dan keadaan.

Responden yang tegas menolak poligami ialah R4. Oleh sebab itu, pandangan negatif terhadap poligami sememangnya mempengaruhi pandangan R4. Poligami bukan sahaja mengundang masalah kepada pasangan atau ibu bapa, malah anak-anak yang belum matang terpaksa melalui kesukaran akibat tiada persefahaman antara ibu bapa. R5 juga bersetuju bahawa kesan negatif poligami mempengaruhi pandangan beliau terhadap poligami. R5 juga merupakan responden yang dengan tegas menolak poligami. Menurut R5, poligami menyebabkan kasih sayang terhadap anak-anak terabai dan akan melukakan perasaan banyak pihak. Sekali lagi R5 mengingatkan bahawa, keadilan adalah sukar untuk dipenuhi dalam semua perkara, setiap pasangan yang ingin berpoligami harus berfikir dengan serius sebelum membuat keputusan untuk berpoligami.

Sebagai rumusan terhadap soalan 10, didapati bahawa responden mempunyai jawapan yang tersendiri terhadap pengaruh kesan negatif poligami. Bagi responden yang berpandangan positif terhadap poligami, mereka juga percaya kesan buruk poligami tidak sepenuhnya mempengaruhi pandangan mereka terhadap poligami kerana yakin Allah SWT lebih mengetahui sesuatu yang berlaku ke atas hamba-Nya. Dari sisi yang lain pula, pandangan negatif atau buruk terhadap poligami sememangnya mempengaruhi pandangan staf wanita Islam UiTM terhadap poligami khususnya bagi responden yang menolak poligami. Pemikiran mereka sering dibelenggu oleh masalah yang sentiasa berlaku pada keluarga yang mengamalkan poligami. Pandangan negatif ini agak sukar untuk dibendung kerana pada jiwa mereka telah sebatu dengan perkara-perkara yang negatif walaupun mengetahui bahawa poligami juga mempunyai banyak hikmah dan kebaikannya.

4.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati poligami mewujudkan dua pandangan yang berbeza daripada responden, iaitu menerima poligami dan satu pihak lagi menolak poligami. Pandangan ini secara jelas membuktikan bahawa umat Islam khususnya wanita yang menolak poligami perlu mendalami ilmu agama dan hukum syarak kerana poligami dibenarkan oleh syarak wajar dipatuhi. Hukum poligami yang diharuskan bukanlah menjadi bebanan kepada kaum wanita, kerana terdapat banyak hikmah disebalik poligami. Kaum wanita tidak boleh menidakkan poligami kerana dalam Islam, poligami merupakan sesuatu yang indah dan mendatangkan banyak kebaikan sekiranya dilaksanakan mengikut syariatnya. Sebagai orang Islam, paling kurang kita mesti menerima poligami sebagai satu daripada hukum syariat, bukan suatu yang ditentang, dan kalau ditakdirkan berpoligami, hati boleh tenang dan sabar menerima cabaran-cabarnya (Nor Atiqah Ghazali, 1996: 67).

Bagi pihak suami pula, jika ingin berpoligami, mereka seharusnya berlaku adil dalam memberikan nafkah zahir dan batin kepada isteri-isterinya dan anak-anaknya. Sebagai pasangan yang berpoligami, mereka harus saling memahami dan bertolak ansur supaya tidak berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini oleh kedua-dua belah pihak yang akhirnya boleh membawa kepada perceraian.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan dan mengusulkan beberapa cadangan yang berkaitan dengan dapatan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 4. Analisis data kajian telah menjawab empat persoalan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan adanya dua pandangan yang berbeza berkaitan dengan poligami. Dua pandangan yang berbeza ini jelas menunjukkan terdapatnya jurang dalam memahami hukum poligami yang berlandaskan syariat Islam. Justeru, beberapa cadangan akan dikemukakan agar pemahaman yang kurang tepat berkenaan poligami dapat dikurangkan dan seterusnya membetulkan pandangan kaum wanita terhadap poligami secara khususnya.

5.1 Pandangan terhadap poligami

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, pandangan staf wanita Islam di UiTM Kampus Samarahan boleh dibahagikan kepada dua pandangan yang utama iaitu, pandangan yang bersetuju menerima poligami dan yang kedua, pandangan yang tidak bersetuju menerima poligami. Apabila menganalisis pandangan responden ini, jangkakan telah dibuat bahawa tidak semua wanita Islam menerima poligami. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dalam memahami hukum poligami dari segi syarak. Sedangkan,

sebagai wanita Islam, mereka perlu tahu bahawa poligami sesuatu yang diharuskan dalam Islam. Hal ini bermakna, sekiranya kita menolak poligami, bermakna kita menolak hukum yang telah dibenarkan Islam.

Apabila menolak hukum, maka jadilah kita sebagai umat yang ingkar kepada hukum Allah, dan ini sesuatu yang perlu dibetulkan. Allah SWT telah menjadikan hamba-hamba-Nya dan mengetahui apa yang diciptakan-Nya. Allah SWT yang menjadikan kaum hawa dan Allah jugalah yang menciptakan undang-undang hidup ini. Allah maha mengetahui akan diri dan siapa hamba-hamba-Nya. Hanya Allah sahajalah yang maha bijaksana dalam mengatur hidup makhluk-makhluk-Nya. Undang-undang ciptaan manusia pasti tidak memberi ketenangan atau keadilan kepada manusia. Apabila undang-undang Allah dilaksanakan dan diamalkan, maka akan nampaklah keadilan dan terbukti keindahanannya khususnya dalam poligami (Nor Atiqah Ghazali, 1996: 9).

Berbalik kepada pandangan staf wanita Islam di UiTM terhadap poligami, penolakan mereka terhadap poligami bukanlah semata-mata menolak hukum yang ditetapkan Allah SWT, tetapi penolakan ini adalah kerana kebimbangan mereka terhadap ketidakadilan suami apabila berpoligami. Poligami memang tidak dipersetujui oleh sebilangan besar kaum wanita kerana poligami dirasakan sebagai satu penyiksaan ke atas zahir dan batin mereka. Ada dalam kalangan responden yang sanggup memohon cerai daripada berpoligami sekiranya tiada jalan penyelesaian. Jadi, kaum wanita perlu memahami konsep poligami itu secara tepat. Poligami bukanlah boleh dilaksanakan secara sewenang-wenang kerana perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Islam membatasinya dengan ikatan keimanan yang terkandung dalam nas al-Quran dengan cara menetapkan syarat-syaratnya (Karim Hilmi, 2008: 16).

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga responden yang bersetuju dengan poligami. Persetujuan mereka berlandaskan hukum keharusan poligami dalam Islam. Situasi ini jelas membezakan pandangan responden yang menolak poligami. Itulah ciri-ciri wanita yang boleh menjayakan perkahwinan poligami kerana di dalam hatinya ada iman dan taqwa. Mereka dapat mengabaikan kepentingan dunia kerana keyakinannya dan harapannya pada syurga Allah SWT di akhirat kelak (Nor Atiqah Ghazali, 1996: 151). Sebagai wanita yang solehah, isilah masa dengan hal-hal yang lebih utama, iaitu membantu perjuangan jihad fisabilillah (1996: 115). Sekalipun pahit, nilainya tinggi sekali sebagaimana janji Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 111 yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah membeli dari orang-orang mukmin itu diri mereka dan harta mereka dengan Syurga”.

5.2 Pengetahuan terhadap poligami

Dari segi pengetahuan pula, umumnya responden memahami konsep poligami secara literal. Semua responden mengetahui apakah poligami yang rata-ratanya menyatakan poligami sebagai perkongsian suami yang dibenarkan dalam Islam melalui perkahwinan tetapi tidak melebihi empat orang dalam satu-satu masa. Responden mengetahui kebaikan dan hikmah berpoligami yang banyak memberi manfaat kepada keluarga yang tidak mempunyai zuriat dan salah satu daripada langkah untuk mendapatkan zuriat adalah melalui poligami. Namun, bagi responden yang menolak poligami, kefahaman mereka hanya dari sudut pengertian tetapi tidak dari segi pengisiannya. Manakala, bagi responden yang memahami konsep poligami dari segi syarak, pemahaman mereka lebih jelas dan banyak menerangkan poligami secara positif.

Pengetahuan yang baik terhadap poligami juga dipengaruhi oleh faktor pemilihan responden yang semuanya adalah terdiri daripada staf akademik di UiTM dan berpendidikan tahap Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah khususnya responden yang menerima poligami. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengetahuan dan pemahaman yang jelas tentang poligami dan pandangan yang sentiasa positif berkenaan poligami. Kajian ini juga mengesan bahawa faktor gagal memperoleh zuriat bukanlah alasan untuk berpoligami kerana terdapat isteri pertama yang mempunyai zuriat turut mengamalkan poligami. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh kerjaya responden yang merasakan adanya kekangan masa untuk menumpukan perhatian kepada suami dan anak-anak menyebabkan golongan bekerja mempunyai pemahaman yang baik terhadap poligami. Hal ini turut disokong dalam tulisan Nor Atiqah Ghazali (1996: 28) yang menjelaskan bahawa pada hari ini, zaman kian mencabar di mana suami dan isteri sibuk bekerja yang menyebabkan masa isteri berada di rumah berkurangan, dan pada masa yang sama isteri mahu membina cita-cita sendiri dan ingin berjaya dalam karier hingga mengabaikan suami yang juga perlukan perhatian. Maka, dalam situasi ini poligami merupakan jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini.

5.3 Faktor-faktor menolak poligami

Analisis terhadap data kajian mendapati adanya beberapa faktor yang menyebabkan responden menolak poligami khususnya bagi responden yang berpandangan negatif terhadap poligami. Daripada 5 responden ini, 2 responden yang tidak bersetuju dengan poligami telah memberikan faktor mereka menolak poligami adalah kerana berpendapat bahawa akan berlaku kesukaran pada suami untuk berlaku adil dan menjaga hati setiap isteri. Situasi kehidupan pasangan yang berpoligami masa kini menunjukkan bahawa tidak

ramai isteri yang mahu mengambil risiko untuk hidup berpoligami. Hal ini juga menyebabkan tanggungjawab akan berganda apabila suami berpoligami dan peluang untuk berlaku adil adalah sukar.

Pemahaman secara negatif ini menyebabkan berlakunya masalah dalam poligami. Konsep keadilan itu sendiri sukar untuk diterangkan dan dilaksanakan secara sepenuhnya oleh kudrat manusia. Oleh itu, keadilan yang diwajibkan Allah SWT kepada seorang suami supaya dilaksanakan terhadap para isterinya adalah khusus kepada perkara-perkara yang dapat dilakukan keadilan didalamnya, tidak meliputi perkara-perkara yang tidak dapat dikuasai oleh manusia (Dusuki Ahmad, 1978: 18). Misalnya, dalam pemberian kasih sayang, kecenderungan hati dan dalam perkara-perkara yang manusia tidak berkesanggupan untuk melakukannya mengikut tabiat semula jadi manusia. Sesungguhnya Allah SWT tidak membebaskan diri manusia itu melainkan perkara-perkara yang mereka sanggup laksanakan sahaja. Firman Allah SWT menjelaskan perkara ini yang bermaksud;

“Allah tidak akan memberati diri seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya”

Selain itu, faktor penganiayaan ke atas isteri juga antara sebab responden menolak poligami. Penganiayaan terhadap isteri pertama mudah berlaku kerana suami tidak berlaku amanah terhadap isteri. Pemberian nafkah yang tidak mencukupi akan menjejaskan perbelanjaan anak-anak yang akhirnya menyebabkan anak-anak mudah terjebak dalam gejala sosial tanpa perhatian ibu bapa mereka. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian Sa’diah Abdul Samad (2002: 79) yang menyatakan bahawa suami berjaya mengaburi mata mereka dengan janji untuk berlaku adil atau akan tetap mengutamakan mereka sebagai isteri pertama. Tetapi, apabila janji-janji tersebut tidak dapat dilaksanakan oleh suami,

berlakulah penentangan terhadap suami yang membawa kepada pergaduhan malah hampir-hampir berlakunya perceraian.

Terdapat responden yang menyatakan bahawa poligami menyebabkan suami mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri terdahulu dan anak-anak mereka. Pihak suami yang berpoligami juga akan mengganggu emosi banyak pihak termasuklah isteri sedia ada, anak-anak dan keluarga. Perkara ini akhirnya akan menyebabkan keruntuhan dalam rumah tangga dan akan merenggangkan hubungan antara keluarga yang terlibat. Pendapat ini dapat disokong melalui kaji selidik yang membabitkan kira-kira 1,200 wanita berpoligami di seluruh negara, yang mendapati ramai dalam kalangan wanita berkenaan tidak puas hati dengan kehidupan berpoligami. Malah, lebih 60 peratus daripada hasil kajian juga mendapati suami tidak memaklumkan dan berbincang dengan isteri pertama untuk berkahwin satu lagi sehingga menimbulkan implikasi dan trauma hebat ke atas golongan hawa itu (www.bharian.com.my).

5.4 Pengaruh kesan negatif atau buruk poligami ke atas pandangan staf wanita Islam di UiTM

Secara keseluruhannya, kesan-kesan negatif atau buruk poligami memberi sedikit pengaruh negatif ke atas pandangan responden kajian. Daripada 5 responden yang dipilih secara rawak daripada tiga fakulti menunjukkan 3 responden menyatakan pandangan mereka dipengaruhi oleh kesan negatif poligami manakala 2 responden lagi tidak terpengaruh oleh mana-mana kesan. Pengaruh kesan negatif atau buruk terhadap poligami turut berpunca daripada pandangan umum dan cerita-cerita yang tidak tepat berkenaan poligami seperti yang diuar-uarkan di dalam media-media massa. Hal ini dapat disokong oleh kajian yang dilakukan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia bagi tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan

Pulau Pinang (Zaleha Muhamat, 2002: 3) bahawa faktor terbanyak yang menyebabkan suami berpoligami ialah kerana berlakunya keterlanjuran pergaulan dengan teman wanita, diikuti oleh faktor bersimpati terhadap teman wanita. Faktor-faktor utama yang mendorong mereka berpoligami ini secara langsung bertentangan dengan syarat-syarat poligami yang dibenarkan syarak.

Apatah lagi, kesan negatif yang difikirkan hanyalah andaian mereka kerana mereka sendiri tidak mengamalkan poligami. Jadi, pandangan ini tidaklah adil kerana terpengaruh dengan khabar semata-mata. Sedangkan, bagi pihak yang berpoligami terdapat seribu kemanisan dalam hidup berumah tangga. Poligami adalah satu rahmat Allah kepada kaum wanita yang meletakkan wanita ke tempat yang paling mulia (Amran Kasimin, 1978: 36).

5.5 Cadangan

Berdasarkan masalah yang timbul dalam poligami, beberapa cadangan boleh diusulkan untuk menambah baik kerukunan dalam keluarga pihak yang berpoligami serta meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap poligami. Antara cadangan tersebut termasuklah;

5.5.1 Penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam

Oleh sebab masalah atau kebimbangan utama yang difikirkan oleh pihak isteri sekiranya berlaku poligami ialah ketidakadilan suami dalam memberikan nafkah zahir dan batin maka, untuk menjamin berlakunya keadilan terhadap isteri-isteri dan anak-anak, Undang-undang Keluarga Islam perlu ditambah baik. Walaupun telah ada undang-undang yang menjaga hak isteri dan anak-anak, namun undang-undang yang sedia ada tidak dikuatkuasakan secara sepenuhnya. Walaupun pada dasarnya seseorang suami perlu

memenuhi beberapa syarat yang telah diperuntukan oleh Undang-undang, namun dalam banyak keadaan, Mahkamah lebih berkecenderungan untuk meluluskan permohonan poligami sekalipun pendapatan mereka yang kadangkala sebenarnya kurang berkemampuan untuk menyara tanggungannya. Sekiranya permohonan mereka ditolak di peringkat Mahkamah Rendah, rayuan akan dikemukakan dan permohonan tersebut akan dipertimbangkan dan akhirnya diluluskan oleh Mahkamah Tinggi (Raihanah Abdullah, 2003: 143).

5.5.2 Membuat kajian lanjutan

5.5.2.1 Bentuk kajian yang serupa boleh dilakukan tetapi kajian berkenaan melibatkan sampel yang lebih besar dan perlu diperluaskan kepada pihak suami. Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan pengkaji, kajian yang menjurus kepada pihak suami jarang dilakukan. Mengambil pandangan pada sebelah pihak sahaja akan menyebabkan timbulnya prasangka negatif terhadap pihak yang satu lagi, khususnya pada pihak lelaki. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pandangan wanita, kesan poligami ke atas wanita dan anak-anak serta hikmah-hikmah poligami dan cara pelaksanaannya juga secara khusus kepada wanita.

5.5.2.2 Kajian dari pelbagai aspek boleh dilakukan seperti pemilihan responden yang mengamalkan poligami agar pengetahuan dan pandangan mereka lebih jelas kerana mereka telah melalui kehidupan berpoligami. Hal ini dapat mengenal pasti faktor yang tepat dan tidak dipengaruhi oleh andaian semata-mata. Adalah menjadi harapan supaya kajian sebegini dapat dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang seterusnya.

5.5.3 Mengadakan kursus berkaitan poligami

Oleh sebab tumpuan kajian ini lebih kepada pandangan dan pemahaman wanita Islam terhadap poligami, maka adalah wajar wanita-wanita yang akan menghadapi hidup bermadu diberi kursus tentang keluarga dan poligami. Hal ini secara langsung dapat mengubah persepsi negatif mereka terhadap poligami. Mengendalikan kelas-kelas bimbingan kepada isteri-isteri yang terlibat dengan poligami mungkin dapat mengajak mereka mengetahui hikmah tersembunyi hidup berpoligami dan bagi yang bermasalah dapat berkongsi masalah bersama yang lain. Penekanan kepada hukum-hukum dan syarat-syarat poligami perlu ditegaskan agar mereka jelas tentang hukum poligami yang telah disyariatkan supaya tiada lagi wanita muslim yang secara tegas menolak poligami tanpa mengetahui hikmahnya.

5.6 Kesimpulan

Pengharusan amalan poligami kepada umat Islam sewajarnya dilihat dan difikirkan secara positif. Semua pihak dalam masyarakat seharusnya tidak meletakkan poligami sebagai suatu perkara yang membawa keretakan dalam rumah tangga. Imej poligami yang sering digambarkan secara negatif sebenarnya boleh menimbulkan rasa takut serta prejudis terutamanya kepada golongan wanita (Zaini Nasohah, 2000: 81). Keharusan lelaki untuk berkahwin lebih daripada seorang dan tidak melebihi empat orang dalam satu-satu masa adalah satu kurniaan Allah SWT yang banyak hikmahnya. Dekatilah hikmah tersebut agar rasa prejudis dapat dikurangkan dan dekatkan diri dengan Yang Maha Esa kerana segala yang dibenarkan Allah SWT tidak akan merosakkan umat-Nya dengan jalan yang diredhai.

Kaum wanita yang hidup bermadu dan beriman kepada Allah SWT harus bersifat timbang rasa dan tidak mengutamakan diri sendiri. Bagi golongan lelaki pula, keputusan

untuk berpoligami hendaklah dipikul dengan penuh tanggungjawab dan keadilan dalam pelaksanaan poligami menjadi tunjangnya. Pihak lelaki tidak seharusnya mempertahankan poligami itu sekiranya hanya untuk kepentingan diri, untuk berkahwin lebih kerana ada peluang. Keharusan berpoligami tidaklah wajar untuk dijadikan batu loncatan untuk memuaskan nafsu, keharusan poligami adalah berdasarkan syarat-syarat tertentu, jadi kalau syarat itu tidak dipenuhi, secara automatik poligami tidak harus bagi mereka (Amran Kasimin, 1978: 4).

Oleh hal yang demikian, kaum wanita janganlah memandang negatif poligami kerana Allah SWT telah memberikan kepada kaum lelaki kekuatan akal yang rasional, tidak terlalu emosional atau mudah didorong oleh perasaan. Lelaki tidak mudah tersinggung berbanding dengan wanita. Jika kekuatan akal ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, ditambah dengan kesabaran serta kekuatan jasmani untuk mencari nafkah keluarga, lelaki itu akan menjadi pelindung dan pendidik yang bewibawa. Oleh yang demikian, wanita atau lelaki yang ingin melayakkan diri mereka berpoligami, mesti mempersiapkan diri dengan iman. Hanya dengan iman sahaja yang akan menjadikan diri mereka tenang, aman, bahagia dan berjaya dalam poligami (Nor Atiqah Ghazali, 1996: 29).

Jadikanlah Nabi Muhammad SAW sebagai contoh terbaik dalam melaksanakan amalan poligami berlandaskan al-Quran dan as-sunnah. Jika poligami ini tidak wujud, kemungkinan besar para lelaki yang tidak dapat mengawal diri dan nafsunya tadi mencari jalan yang tidak sah bagi memenuhi tabiat kemanusiaannya itu. Jalan yang tidak sah ini adalah zina yang bukan sahaja mengakibatkan lelaki tadi berdosa dan rosak akhlaknya, bahkan dia turut sama merosakkan orang lain dan masyarakat (Zaini Nasohah, 2000: 15).

Akhirnya, pengertian poligami dalam Islam perlu dikaji sebelum memperkatakannya, kalau hukum-hukum ini difahami, tidak ada seorang manusia akan

menafikan keindahan muslihat disebalik praktik poligami ini. Perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT tidak perlu ditokok tambah, jauh sekali kalau hendak menolaknya, yang perlu difikirkan ialah cara untuk melaksanakan perintah Allah itu dengan sebaik-baiknya. Islam mengingatkan manusia bahawa monogami tidak ubah seperti keperluan dalam kehidupan masyarakat dan poligami seperti ubat yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit dalam masyarakat (Karim Hilmi, 2008: 44).

Rujukan

- Abdul Malik Begedes, Mujiburrahman Abdullah, Ahmad Al Faruqy, Muhammad Ismail Bin M. Yusuf, Abdussamad Bin Abu Hamad dan Ade Syarwan Bin Darmuni Daud. (2011). Kertas Projek. *Poligami menurut pemikiran Sisters In Islam: analisis aalam perspektif Islam*. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Amran Kasimin. (1978). *Konflik poligami di Malaysia*. Petaling Jaya: Karya Publishing House.
- Aslinda Binti Apandi. (2005). *Objektif syariah dalam amalan poligami: kajian di Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi bagi memenuhi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1979). *Poligami*. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Pentadbiran Undang-undang syari'at Jenayah dan Keluarga Islam di Kedah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- “Berpoligami pun satu jenayah” bahan internet di alamat http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama di akses pada 16 Januari 2014
- Dusuki Haji Ahmad. (1978). *Poligami dalam Islam*. YADIM: Kuala Lumpur
- Hafiz Firdaus Abdullah. (2012). *202 Pelajaran berkenaan poligami*. Perniagaan Jahabersa: Johor Bahru.
- Irdhina@Martini Hj Wasli. *Isu poligami dan perkara-perkara yang berbangkit darinya*. Bahan internet di alamat www.mms.gov. diakses pada 13 Ogos 2013.
- Jami'ah Shukri. (2010). *Keadilan dalam poligami: sistem sokongan perlu elak ada isteri teraniaya*. Bahan internet di alamat www.bharian.com diakses pada 16 September 2013.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Hilmi Farhat Ahmad. (2008). *Poligami: kesenangan atau kesengsaraan* (Terj. Juhan Che Yaman). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- “Keadilan dalam poligami” bahan internet di alamat www.bharian.com.my diakses pada 10 Januari 2014.
- “Kesan poligami terhadap wanita” bahan internet di alamat <http://www.wao.org.my/news> diakses pada 12 Januari 2014.
- “Konsep poligami dalam Islam” bahan internet di alamat <http://www.scribd.com/> diakses pada 27 Jan 2014.

- Khodam. (2005). *Monogami vs poligami*. Majalah Sinar Rohani. Bahan internet di alamat www.islam.gov.my/ diakses pada 12 Ogos 2013.
- “Laporan akhir” bahan internet di alamat <http://www.psb1.uum.edu.my/> diakses pada 12 Disember 2013.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). “*Poligami. kesesuaiannya menurut undang-undang Islam dan permasalahannya dalam masyarakat*”; dalam Ahmad Ibrahim et al. (ed), *Al-Ahkam: Undang-Undang keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, j.6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 64-65.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari. (1989). *Undang-undang keluarga Islam: konsep dan perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Abazie.
- Mustaffa Suhaimi. (1992). *Hikmah poligami*. Selangor: Progressive Products Supply.
- Nor Atiqah Ghazali. (1996). *Poligami yang disalahertikan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGrawHill Malaysia Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- “*Poligami suatu keharusan bersyarat*” bahan internet di alamat www.islam.gov.my/ diakses pada 16 September 2013.
- Raihanah Hj Abdullah. (2003). *Berpoligami: antara hak suami dan hak isteri menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Dalam Jurnal Syariah, 11: 1, J 131-146.
- Raihanah Haji Abdullah. (1997). *Poligami di Malaysia*. Dalam Jurnal Syariah 5, Bil 2 hlm 167-186.
- Sa’diah Bt Abdul Samad. (2002). *Kesan poligami terhadap keluarga Islam: suatu kajian di Langkawi Kedah*. Disertasi untuk Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- “*Statistik perceraian, perkahwinan dan poligami di Kelantan*” di alamat <http://chemekmolek.wordpress.com/> diakses pada 14 September 2013.
- Undang-undang Sarawak*. (2001). Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, Bab 43, hlm 24-26.
- Yusuf Wibisono. (1980). *Monogami atau poligami: masalah sepanjang masa*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Haji Abdullah. (1989). *Buku Undang-Undang Keluarga Islam* pada bahagian keempat *Poligami dan Undang-Undang: isu dan realiti*

Zaleha Muhamat. (2002). *Analisis poligami menurut perspektif Islam*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Zaini Nasohah. (2000). *Poligami: hak keistimewaan menurut syariat Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur

Zaitun Mohamed Kasim. (2002). *Islam and polygamy*. Sisters In Islam: Selangor.

FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN (FSSG/FASS)
UNIVERSITI TERBUKA MALAYSIA (OPEN UNIVERSITY MALAYSIA)
BORANG TEMU BUAL RESPONDEN

Soalan temu bual ini disediakan bagi mendapatkan data bagi kajian yang bertajuk “Pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan, Sarawak terhadap poligami”. Pengkaji ingin memohon kerjasama semua responden yang terlibat agar dapat memberikan maklumat yang diperlukan secara jujur dan benar. Semua pandangan dan jawapan responden adalah bertujuan untuk mendapatkan data bagi kajian ini sahaja dan identiti responden tidak akan didedahkan dalam apa jua keadaan. Atas kerjasama dan masa yang diluahkan untuk menjawab temu bual ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT RESPONDEN

1. Nama
2. Umur
3. Bangsa
4. Alamat Tetap
5. Asal
6. Pekerjaan
7. Tahap pendidikan
8. Status Perkahwinan
9. Nama Suami
10. Pekerjaan suami
11. Isteri ke berapa (jika berpoligami)
12. Jumlah anak

BAHAGIAN B: PANDANGAN TENTANG POLIGAMI

Sila nyatakan pandangan anda tentang poligami berdasarkan soalan-soalan berikut.

Pandangan tentang poligami

1. Apakah pandangan anda terhadap poligami?
2. Adakah anda bersetuju untuk berpoligami? Kenapa?
3. Apakah yang anda faham tentang poligami?
4. Apakah kebaikan poligami?
5. Sekiranya anda ditakdirkan untuk berpoligami, apakah syarat utama yang anda berikan kepada suami anda?
6. Pada pandangan anda, apakah punca utama berlakunya poligami?
7. Apakah yang menyebabkan anda tidak bersetuju dengan poligami?
8. Pada pandangan anda, adakah anak-anak akan menerima kesan yang positif atau negatif?
9. Pada pandangan anda, apakah masalah utama yang berlaku kesan daripada poligami?
10. Adakah kesan buruk atau negatif poligami mempengaruhi pandangan anda terhadap poligami?

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA

LAMPIRAN II

Ahmad Zamri Bin Ramidi
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Terbuka Malaysia
Pusat Pembelajaran Wilayah Sarawak
93050 Kuching

2 Oktober 2013

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Puan,

Permohonan Menjalankan Temu bual kajian

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Dengan ini saya, Ahmad Zamri Bin Ramidi, No. K/P: 740804135255 dan No. Pendaftaran: 740804135255002 di Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Terbuka Malaysia (OUM) ingin memohon kebenaran daripada pihak puan untuk menjalankan temu bual bagi kajian saya yang bertajuk “Pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan Sarawak terhadap poligami”.

Untuk makluman pihak puan, temu bual ini akan diadakan berdasarkan kesesuaian masa pihak puan. Soalan temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A: Maklumat Responden dan Bahagian B: Pandangan Tentang Poligami. Setiap jawapan daripada responden adalah rahsia dan hanya untuk tujuan kajian.

Atas komitmen dan kerjasama daripada pihak puan, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

.....
(Ahmad Zamri Bin Ramidi)